



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 40**

**Isnin**

**23 November 2020**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman 22)
<b>USUL-USUL:</b> Usul Anggaran Pembangunan 2021	(Halaman 22)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 23 November 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah status permohonan projek naik taraf jeti penumpang Pulau Pangkor; dan
- (b) apakah status permohonan pemendekan tempoh *duty free* Pulau Pangkor dari 48 jam ke 24 jam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kira-kira lima tahun dahulu mantan Menteri Besar Perak, sekarang ADUN Pangkor mula berjuang untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai. Benda-benda yang baik ini telah diteruskan oleh Yang Berhormat Tambun, yang terus memperjuangkan ini dan *Alhamdulillah* pada 1 Januari tahun ini Pulau Pangkor telah dijadikan sebuah pulau bebas cukai.

Masa depan Pulau Pangkor adalah amat baik dengan pengisian tersebut. Pada 15 September lalu, saya berkesempatan berkunjung ke Pangkor dan melawat atau pergi ke Restoran Pak Din di Teluk Kecil dan beliau amat gembira dengan perniagaan yang meningkat. Masa itu belum PKPB lah. Sekarang mungkin ada merosot sedikit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tambun. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas kerajaan telah meluluskan sebanyak RM15 juta untuk mereka bentuk dan kerja-kerja awalan naik taraf membesar dan membangunkan semula kompleks jeti di pulau bebas cukai Pangkor. Pada tahun depan, sebanyak RM7 juta telah pun diperuntukkan. Ini adalah untuk reka bentuk dan kerja-kerja awalan merangkumi jeti utama penumpang dan juga jeti kargo di Pulau Pangkor.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan memendekkan tempoh *duty free* daripada selama 48 jam ke 24 jam, seperti Yang Berhormat Tambun sedia maklum Kementerian Kewangan sudah pun menulis surat kepada Kerajaan Negeri Perak menyatakan bahawa pada masa ini ia tidak dapat dipertimbangkan kerana kalau diluluskan layanan yang sama harus diberikan kepada tiga buah pulau yang lain iaitu Labuan, Tioman dan juga Langkawi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tempoh 48 jam itu ditetapkan untuk membolehkan pelancong meluangkan masa lebih di pulau bebas cukai dengan memberi faedah ekonomi yang lebih kepada pengusaha-pengusaha lain termasuklah restoran, hotel dan tempat-tempat penginapan yang lain. Jika dipendekkan kepada selama 24 jam, kesan faedah ekonomi itu tidak sebesar sekiranya pelancong tinggal dua hari ataupun selama 48 jam di Pulau Pangkor.

Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 16 November lalu yang dihadiri bersama oleh Yang Berhormat Tambun dan dibangkitkan sekali lagi oleh Yang Berhormat serta jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang juga menjadi ahli mesyuarat, permohonan Yang Berhormat Tambun ini akan ditimbang oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tentunya rakyat negeri Perak amat bersyukur dan berterima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Namun Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penduduk tempatan di Pulau Pangkor perlu melalui jeti penumpang yang begitu sesak dengan para pelancong terutamanya pada hujung minggu untuk urusan harian keluar masuk. Bagi mengatasi masalah ini, apakah kerajaan akan mempertimbangkan kelulusan tempat pendaratan yang sah (*legal landing place*) dengan izin, di Jeti Sungai Pinang Kecil untuk memudahkan urusan para penduduk tempatan? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Tambun iaitu menjadikan *legal landing point* (LLP) ataupun pendaratan yang sah bagi jeti di Sungai Pinang Kecil sudah dibangkitkan dengan kerajaan dan pandangan awal kerajaan sudah pun dimaklumkan.

Mengikut pihak kastam, ini akan menimbulkan masalah kawalan khususnya berkaitan dengan penyeludupan. Apa pun kita cukup faham bahawa jeti yang ada ini sesak dengan penumpang, khususnya hari cuti umum. Oleh yang demikian, ada keperluan untuk mengkaji perkara ini secara keseluruhan. *Insyah-Allah* kita akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Perak bagaimana boleh kita lihat semula keputusan daripada pihak Jabatan Kastam.

Dua perkara yang diperlukan yang pertama kelulusan daripada Jabatan Kastam dan yang kedua mungkin memerlukan sedikit peruntukan tambahan untuk membaiki jeti

yang mungkin sudah lama ditinggalkan itu. Jadi, *insya-Allah* kita akan lihat semula keputusan ini, kita akan merujuk perkara ini kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Cha Kee Chin [Rasah]** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan apakah perancangan terkini kerajaan terhadap pembinaan Jalan Lingkaran Tengah Seremban di Parlimen Rasah, memandangkan pembinaannya tidak diteruskan selepas siapnya Fasa 3B (Bahagian 1) beberapa tahun yang lepas, bilakah pembinaan fasa seterusnya akan dimulakan?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Rasah atas soalan yang ditanyakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum berhubung dengan keperluan untuk pembinaan Jalan Lingkaran Tengah Seremban terutama di Parlimen Rasah bagi mengatasi masalah lalu lintas di Bandar Seremban. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, cadangan menyiapkan baki kerja projek ini pernah diangkat kepada agensi pusat di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu *Rolling Plan 1* dan *Rolling Plan 2* tetapi tidak diluluskan pada masa itu.

Kementerian akan meneliti semula cadangan projek ini dan sekiranya ia memenuhi keperluan teknikal untuk dibina dan disenaraikan dalam *rolling plan*, Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan datang. Kelulusan projek ini adalah bergantung kepada agensi pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

#### ■1010

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan ini. Saya memang kita sedia maklum, ketika di permulaan RMKe-11 pernah dikatakan bahawa jalan ini akan disambung dari Labu ke Taman Bukit Galena dan seterusnya ke Templer sebab itu memang jajaran asal untuk Jalan Lingkaran Tengah Seremban, pada asalnya. Cuma kerana mungkin ada sebab-sebab tertentu yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut, ingin saya tegaskan keperluan untuk Jalan Lingkaran Tengah ini disempurnakan keseluruhannya amat mustahak. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri antara pengguna yang mendapat manfaat daripada jalan ini untuk balik ke kawasan— ya lah, tempat duduk Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri.

Jadi saya mohon, apakah sebabnya dan apakah kekangan? Saya hendak tahu sebab rakyat hendak tahu, apakah kekangan yang menyebabkan agensi tidak dapat

meluluskannya ketika RMKe-11? Apakah faktor-faktor tersebut dapat diatasi atau dipenuhi supaya dalam RMKe-12 kita dapat memulakan projek, khususnya dari Labu ke Galena dan seterusnya ke Templer ikut jajaran asal yang sebenarnya saya percaya telah di garis ataupun disusun atur ketika RMKe-10 lagi. Jadi, saya mohon satu jawapan yang positif daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup faham dan cukup arif tentang jajaran Jalan Lingkaran Tengah Seremban ini. Terima kasih.

**Dato' Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, terima kasih kepada soalan tambahan itu. Saya bersetuju dari Labu ke Galena itu adalah merupakan perancangan jajaran asal projek ini. Akan tetapi memandangkan kos, kita tidak ada masalah dari segi projek ini untuk diangkat tetapi cuma dari segi keutamaan, jika dibandingkan kos untuk membuat jajaran ini menelan belanja yang agak besar. Untuk Fasa 3B, satu bahagian tiga ini anggaran kos adalah RM1.5 bilion, termasuk pembinaan beberapa jambatan. Jadi, *flyover* di dua persimpangan bertingkat. Jadi, apabila projek ini dibandingkan dengan keperluan projek-projek lain dari segi keutamaan, kerajaan meletakkan ada keperluan lain yang lebih utama untuk diberikan. Saya setuju jalan ini juga— saya secara peribadi menggunakan kemudahan jalan ini dan sangat memerlukan sekiranya projek ini dapat diluluskan. *Insyah-Allah* kita akan cuba mohon supaya perkara ini dapat diteliti semula dan dipertimbangkan pada masa yang akan datang, Yang Berhormat.

**3. Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan Program Francais di Sarawak; dan
- (b) apakah usaha kementerian untuk mempergiatkan lagi penglibatan usahawan muda dalam bidang francais.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Betong, yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak sembilan buah syarikat francais yang berasal dari negeri Sarawak serta memiliki 98 buah *outlet* di seluruh Malaysia dan 83 buah *outlet* daripada jumlah berkenaan beroperasi di Sarawak. Salah satu daripada jenama francais Sarawak itu iaitu Sugarbun juga telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa melalui 11 buah *outlet* di luar negara iaitu di Brunei sembilan buah *outlet*, di Australia sebuah *outlet* dan Bangladesh sebuah *outlet*.

Selain itu, terdapat lapan francais lain daripada jenama tempatan dan antarabangsa yang membuka 16 *outlet* di Sarawak. Industri francais di Sarawak telah

mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat dan menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi rakyat setempat. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna giat membuat promosi secara berterusan bagi membangkitkan kesedaran dan penglibatan usahawan muda dalam bidang francais. Siri Jelajah Franchise Bay yang diadakan di seluruh negara turut digerakkan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat golongan usahawan serta para pelajar IPTA dan IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan kedua yang diajukan oleh Yang Berhormat Betong, kerajaan menyediakan Skim Pinjaman Kecil Francais (SPKF) yang menawarkan pembiayaan sehingga RM50 ribu bagi membantu kemasukan golongan muda ke dalam industri francais ini. Melalui skim ini, mereka berpeluang untuk menceburi bidang perniagaan dengan menjalankan perniagaan francais mikro dan mampu milik yang ditawarkan oleh francaisor. KPDNHEP berpandangan bahawa masih terdapat banyak ruang dan peluang untuk mengembangkan industri francais, bukan sahaja di negeri Sarawak, bahkan di seluruh negara dan akan terus mempergiatkan lagi aktiviti mempromosikan dan mengembangkan industri francais ini di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya. Bagaimanakah inisiatif Belanjawan 2021 dapat membangunkan francais mikro dan francais mampu milik di negeri Sarawak serta membantu peluang pekerjaan di negeri Sarawak? Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Betong, yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan, telah diperuntukkan RM5 juta bagi pengembangan francais mikro dan francais mampu milik. Pembangunan francais mikro dan mampu milik ini adalah bagi golongan B40 dan M40. Jadi, selaras dengan konsep francais untuk semua, kita melihat pembangunan francais perlu dilihat secara komprehensif dan bermanfaat kepada golongan B40 dan M40 ini.

Pembangunan francais mikro dan mampu milik bukan sahaja tertumpu kepada di negeri Sarawak sahaja tetapi kepada seluruh Malaysia seperti telah saya sebut tadi. Jadi, KPDNHEP sedang mengadakan *consensus* bersama beberapa institusi pembiayaan dan Persatuan Francais Malaysia (MFA) dalam merealisasikan matlamat belanjawan ini. Jadi, KPDNHEP juga telah mengadakan perbincangan bersama beberapa jenama syarikat francais agar terlibat dalam bidang ini dan agar membangunkan idea francais mikro dan mampu milik. KPDNHEP akan menguar-uarkan pelaksanaan inisiatif ini setelah prosedur tatacara pelaksanaan dimuktamadkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Berdasarkan yang kita panggil Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LTPF) yang telah dikemukakan kepada kementerian oleh syarikat francais, terdapat 91 franchisee yang memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak. Ini banyak membantu, misalnya dari segi peluang untuk yang bekerja di *outlet-outlet* ini. Ada yang menerima gaji sebulan RM1,500 gaji pokok, elaun dan sebagainya. Dari segi ini sahaja, sebulan di Sarawak RM1,365,000 untuk gaji-gaji yang bekerja di *outlet-outlet* ini dalam satu bulan untuk memanfaatkan kepada ekonomi di negeri Sarawak melalui program ini.

Peluang dan ruang untuk kita mengembangkan ini agak luas. Jadi, ini lah satunya menjadi objektif kementerian untuk membantu supaya industri francais ini dapat kita bawa ke tingkat yang lebih lagi seperti mana yang diminta juga oleh Yang Berhormat Betong tadi. Sekian, terima kasih.

#### ■1020

**4. Tuan P. Prabakaran [Batu]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan dan inisiatif kementerian bagi membantu para belia untuk menaik taraf kehidupan mereka agar Malaysia mampu melahirkan belia yang lebih produktif?

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Batu yang saya kira bertepatan dengan cabaran semasa. Izinkan saya menjawabnya bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Bukit Gelugor bertarikh 2 Disember 2020 kerana perkara yang dibangkitkan saling berkaitan.

Cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh generasi muda kita kesan daripada pandemik COVID-19 dijangka akan berterusan sehingga tahun hadapan. Bermula tahun ini, untuk jangka pendek dan sederhana, Kementerian Belia dan Sukan telah melancarkan inisiatif seperti berikut.

Pertama, pelaksanaan Program myGIG bertujuan meningkatkan keterlibatan belia untuk bekerja dalam ekonomi gig bagi menjana pendapatan sama ada secara sambilan atau sepenuh masa. Bermula dengan 2,000 orang belia berumur 18 tahun hingga 40 tahun pada tahun ini. Program *myGIG Service* menyediakan akses untuk menjana pendapatan melalui platform-platform dalam talian seperti *Foodpanda*, *Grab*, *Lalamove* dan sebagainya. Program *myGIG Service* dijalankan dengan kerjasama MDEC menggunakan platform sedia-ada iaitu eRezeki. *myGIG Digital Freelance* yang berfungsi di atas platform MDEC bernama GLOW, menyediakan peluang kepada belia yang memiliki beberapa kemahiran dan kepakaran tertentu seperti *copywriting*, *data entry*, *recruiting*, *content writer*, *web designing* dan sebagainya.

Setelah menjalani latihan selama dua hari, peserta boleh membida kerja atau *project bidding* dengan izin, di *Upwork.com* dan *Freelancer.com*. Melalui kolaborasi rentas kementerian, kementerian juga telah menyediakan tawaran baharu iaitu Skim Perantisan Nasional (SPN) yang dijangka menyediakan lebih 10,000 peluang pekerjaan pada tahun 2020.

Kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya ini menawarkan jaminan pekerjaan yang melibatkan penempatan selama enam bulan di syarikat dan organisasi yang terlibat. Selain daripada pengalaman bekerja, perantis juga mendapat peningkatan kemahiran, *upskilling*, latihan semula, *reskilling* dan silang kemahiran atau *cross skilling* antara *soft skill* dengan izin, untuk meningkatkan profil dan kebolehpasaran mereka.

Di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan melalui kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan turut melatih agropreneuer muda. Ini termasuklah untuk pertanian bandar dan luar bandar. ILKBS juga melatih usahawan muda dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta menawarkan sokongan modal daripada TEKUN Nasional di bawah PENJANA.

KBS juga membangunkan sistem MyBELIA sebagai *single learning page* atau *one-stop center* untuk memudahkan akses kepada seluruh inisiatif dan tawaran yang telah disediakan oleh kerajaan dan bukan kerajaan. Melalui Belanjawan 2021 juga, dijangka seramai 50,000 orang belia akan mendapat peluang perantisan dan sekurang-kurang seramai 35,000 orang belia berpeluang mendapat pekerjaan secara kontrak di bawah *program Short-term Employment Programme (MySTEP)*.

Dasar Belia Malaysia akan terus memandu kerajaan untuk terus memperkasa potensi sebenar belia Malaysia demi melahirkan kalangan belia yang lebih produktif, berinovasi, berdaya saing dan mampu mendepani cabaran-cabaran pasca COVID-19 dan juga di masa-masa yang mendatang. Sekian, terima kasih.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawapan. Soalan tambahan saya berkaitan dengan bola sepak, yang mana industri sukan utama di Malaysia. Keadaan COVID-19 di luar negara yang lebih parah tetapi masih tetap menjalankan liga dan mematuhi SOP. Malahan, di Eropah, mereka bergerak daripada satu negara ke negara lain meskipun dilanda dengan izin, *third wave*, Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia, berdepan wabak COVID-19. Adakah harus bagi perlawanan bola sepak, contohnya *Liga Premier* ataupun *Liga Super* diteruskan seperti beberapa negara terkemuka di luar sana? Jika ya, apakah kementerian akan mengeluarkan SOP tertentu yang akan diperketatkan lagi atau jika tidak bagaimanakah



kementerian ingin memastikan kualiti dan peningkatan pasukan bola sepak di Malaysia?  
Terima kasih.

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Soalan ini tidak berkait langsung dengan soalan. Walau bagaimanapun, saya jawab ringkas.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Sukan, Yang Berhormat, sukan.

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal:** Ya. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mendapat pandangan dan juga nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Majlis Keselamatan Negara. Sebarang keputusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada keputusan MKN dan KKM yang mana buat masa ini, kita pun tahu, sebarang perlawanan bola sepak hatta Liga Piala Malaysia pun kita sudah batalkan kerana wabak COVID-19.

Walaupun bagaimanapun, kita akan membantu industri sukan seperti mana yang telah kita bantu pada tahun ini. Contohnya melalui inisiatif ataupun Geran Prihatin Sukan yang kita bantu semua operator yang terjejas akibat COVID-19. Walaupun bagaimanapun, untuk sama ada kita langsung perlawanan tersebut dalam masa mendatang, itu tertakluk kepada keputusan MKN dan KKM. KBS sentiasa bekerja sama untuk membantu kita meneruskan agenda Malaysia menjadi negara sukan. Sekian, terima kasih.

**5. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan apakah kerajaan berhasrat untuk berunding kembali dengan pihak syarikat konsesi lebuhraya untuk mengambil alih konsesi lebuhraya di negara ini kerana sebelum ini Kerajaan PH mengatakan bahawa kos yang diperlukan adalah kurang RM29 bilion?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini masih mengkaji dan meneliti opsyen-opsyen ke atas pengurusan lebuhraya bagi tujuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh kerajaan dan diimbangkan dengan keperluan pengguna lebuhraya.

Pada masa yang sama, bebanan kewangan kepada kerajaan terhadap opsyen-opsyen ini akan dipertimbangkan. Ia akan mengambil-kira impak kepada ekonomi dan keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara terhadap kerajaan serta kemampuan kewangan kerajaan secara keseluruhannya.

Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bersama Halatuju Industri Lebuhraya Bertol di Malaysia, di antara Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan dan Unit

Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri dijangka akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan dan kelulusan pada pertengahan Disember tahun ini untuk tujuan yang dimaksudkan.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkaitan dengan Lebuh Raya PLUS. Kalau kita tengok konsesi yang diputuskan di zaman Kerajaan PH, tahun 2020 sehingga tahun 2058 iaitu selama 38 tahun sehingga tahun 2058.

Apakah kerajaan yang ada sekarang ini akan mengkaji balik keputusan yang telah dibuat itu ataupun keputusan ini belum ditandatangani? Ini disebabkan kalau tidak salah saya, ia diumumkan pada bulan Januari tahun 2020 ini.

**Dato' Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap di atas soalan tambahan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, perjanjian yang berkaitan dengan PLUS ini adalah di antara perkara yang sedang diteliti kerana dalam isu yang melibatkan tol ini banyak perkara sensitif yang perlu dipertimbangkan.

Contohnya, dari segi kenaikan harga dan tempoh konsesi untuk diimbangkan di antara beban hutang kerajaan termasuk beban rakyat dan juga tanggungan oleh konsesi. Jadi, bagi PLUS, antara perkara yang dipertimbangkan, yang perlu diteliti termasuk juga syarat unjuran *revenue* iaitu *revenue* di antara PLUS dan juga perjanjian. Di dalam perjanjian di antara PLUS dan juga kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk perjanjian yang melibatkan PLUS ini, sedang dalam perbincangan dan masih belum diputuskan pada setakat tarikh hari ini.

**6. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menangani gejala asap rokok sekunder atau '*Secondhand Smoke*' oleh ibu bapa yang merokok yang kini berleluasa dan menjejaskan kesihatan ahli keluarga yang lain.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tentang rokok sekunder.

Untuk makluman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terlibat sebagai ahli tetap dalam Jawatankuasa PEMANDU *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia bagi membincangkan strategi, polisi dan dasar di bawah Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau yang pertama dari tahun 2015 sehingga tahun 2020.

**■1030**

Jawatankuasa ini memantau dan menambah baik implementasi kawalan tembakau yang telah digariskan di bawah WHO FCTC dan pelaksanaan program kawalan tembakau yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah, pertama, khusus bagi menangani gejala asap rokok sekunder (*secondhand smoke*) oleh ibu bapa yang merokok. Perancangan yang dilaksanakan di bawah pelan strategik ini adalah termasuk Rumah Bebas Tanpa Amalan Merokok iaitu ke arah pembudayaan amalan tidak merokok bermula daripada rumah.

Program ini akan diperluaskan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Maklumat yang saya terima daripada rekod Kementerian Kesihatan Malaysia, sehingga kini, terdapat sebanyak 24,290 buah rumah telah didaftarkan sebagai Rumah Bebas Tanpa Amalan Merokok.

Kedua, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam pembangunan Garis Panduan Kaunseling Sosial Masalah Merokok Dalam Kalangan Remaja yang diguna pakai di fasiliti Kafe@TEEN LPPKN. Matlamat garis panduan ini adalah untuk menjadikan remaja sihat tanpa amalan merokok dan seterusnya menjadi ejen perubahan tingkah laku kepada ibu bapa yang merokok.

LPPKN mempunyai 18 buah pusat remaja Kafe@TEEN untuk remaja yang berumur 13 hingga 24 tahun yang menyediakan program dan perkhidmatan yang mempromosi dan memberikan latihan kemahiran hidup bagi tujuan gaya hidup sihat termasuk program anti merokok dan Klinik Kaunseling Berhenti Merokok.

Promosi anti merokok dilaksanakan dalam bentuk ceramah dan perbincangan kecil (*teen chat*) serta topik ini dimasukkan sebagai aktiviti di dalam Modul Kesihatan Reproduktif LPPKN untuk remaja, Klinik Berhenti Merokok dikendalikan oleh pegawai perubatan dan Garis Panduan Kaunseling Sosial Masalah Merokok Dalam Kalangan Remaja klinik Kafe@TEEN. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu dan saya amat gembira sekali mendengar berkenaan dengan Program Rumah Bebas Rokok ini.

Kita mengetahui, Yang Berhormat Menteri ya, bahawa kajian Kementerian Kesihatan mengatakan bahawa 41.5 peratus remaja terdedah kepada asap rokok sekunder. Manakala kajian UPM pula mengatakan bahawa lebih separuh daripada kanak-kanak sekolah hidup dengan keluarga di mana ada perokok. Kajian daripada

UM pula mengatakan bahawa kalau seorang daripada ibu bapa merokok separuh kotak sehari, kesannya ialah RM510 sebulan ke atas *financial burden* keluarga tersebut.

Saya ingin bertanya, selain daripada program-program dan aktiviti tadi, langkah yang lebih agresif, adakah pihak kementerian ingin mengikut langkah di US contohnya di mana ada insentif untuk *cessation smoking program*? Selain daripada ceramah dan sebagainya, ada tidak insentif yang disediakan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu dan cadangan yang diberikan. Buat masa sekarang, kita belum ada insentif yang diberikan. Walau bagaimanapun, saya kira pelbagai langkah yang telah pun diambil sebelum ini dengan menghadkan aktiviti merokok dan juga Rumah Bebas Tanpa Amalan Merokok ini akan diperluaskan. Selain itu, *awareness program*, kesedaran kepada ibu bapa tentang bahayanya merokok dan kesannya kepada anak-anak juga akan diperluaskan. Terima kasih.

**7. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah usaha yang kementerian telah laksanakan bagi menstabilkan harga sawit sekali gus meningkatkan pendapatan khususnya para pekebun kecil.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Berdasarkan sumber dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), harga minyak sawit mentah (MSM) ketika ini sedang menunjukkan trend peningkatan yang begitu ketara. Harga purata MSM telah melonjak kepada RM3,581.50 setan pada 19 November 2020 berbanding paras terendahnya iaitu RM2,021.50 setan pada 12 Mei 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM1,560 setan atau 77.17 peratus.

Peningkatan harga MSM ini telah menyebabkan harga buah tandan segar sawit di pintu kilang turut meningkat kepada RM760 setan pada 19 November 2020 berbanding RM408 setan pada 12 Mei 2020. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan telah berjaya meningkatkan harga minyak sawit.

Bagi meningkatkan pendapatan pengusaha dan pekerja dalam industri sawit khasnya pekebun kecil, kerajaan telah mengumumkan pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isirung sawit mentah dan minyak isirung sawit RBD mulai 1 Julai hingga 31 Disember 2020 dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Ia adalah bertujuan untuk mengurus paras stok dan menstabilkan harga minyak sawit negara. Pengecualian cukai ini akan mendorong penggiat industri untuk mengeksport lebih banyak minyak sawit dan membantu menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Melalui Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), rangkaian utama pengeluaran minyak sawit di Malaysia yang merangkumi sektor perladangan, pekebun kecil dan pengilang sawit diwajibkan untuk dipersijilkan dengan skim pensijilan MSPO. Pensijilan ini memberi panduan seperti mempraktikkan Amalan Pertanian Baik (GAP), mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan kecekapan pengurusan serta meningkatkan produktiviti yang secara langsung mampu meningkatkan pendapatan pekebun.

Skim MSPO memberikan jaminan kepada pengguna antarabangsa bahawa produk sawit Malaysia dihasilkan secara mampan. Ini seterusnya akan dapat meningkatkan pasaran produk sawit di peringkat global dan seterusnya harga yang lebih baik.

Kerajaan juga telah menyediakan Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) pada kadar faedah dua peratus setahun. Skim-skim pinjaman tersebut adalah untuk membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil persendirian bagi melaksanakan penanaman semula sawit dan membantu memperoleh input pertanian dengan penggunaan benih yang disahkan serta baka yang berkualiti. Selain itu, skim ini juga dapat membantu pekebun kecil untuk meningkatkan hasil buah tandan segar dan seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Bagi membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian untuk jangka masa panjang, kerajaan menerusi MPOB telah mewujudkan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Ia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi secara optimum.

Langkah lain yang diambil oleh kerajaan adalah melalui gerakan koperasi di kalangan pekebun kecil persendirian. Koperasi berperanan sebagai pengantaraan untuk pekebun kecil memasarkan buah tandan segar mereka terus ke kilang sawit. Langkah ini dapat memberikan penawaran harga yang lebih tinggi kepada pekebun kecil dan menyumbang peningkatan pendapatan pekebun kecil.

Sehingga Oktober 2020, sebanyak 65 buah Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) telah ditubuhkan secara berperingkat. Aktiviti untuk KPSM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Dah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Panjang sangat.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Dah, dah. KPSM adalah penjualan kelompok BTS anggota koperasi terus ke kilang sawit. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau jawapan panjang, bagilah jawapan bertulis ya sebab masa ini saya hendak habiskan banyak soalan. Silakan soalan tambahan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi dan saya ucapkan tahniah atas kejayaan Kementerian menstabilkan harga sawit yang diperlukan oleh para petani penanam sawit.

Akan tetapi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dimaklumkan bahawa antara kekangan pekebun kecil untuk mendapat MSPO yang disebut tadi ialah apabila geran tanah itu *title* di atas tanaman yang lain. Contohnya atas tanaman kelapa tetapi hendak dia tanam kelapa sawit. Jadi bagaimana Kementerian boleh membantu pekebun-pekebun kecil seperti ini untuk turut mendapat *benefit*, dengan izin, daripada MSPO tadi? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar untuk memperoleh sijil MSPO, salah satu syaratnya iaitu syarat nyata tanah yakni dalam tanaman sawit. Kementerian sedar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Oleh sebab itulah, bagi memudahkan proses penukaran syarat nyata tanah ini, pihak Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah bekerjasama rapat dengan pejabat-pejabat tanah galian (PTG) negeri di Semenanjung dan Sabah, Sarawak.

#### ■1040

Melalui kerjasama ini, setiap PTG terlibat telah dibekalkan dengan maklumat pekebun kecil sawit yang mempunyai syarat nyata selain petani ataupun sawit untuk semakan. Hasil kerjasama ini, PTG negeri yang terlibat telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan kos dan mempercepatkan proses penukaran syarat nyata tanah ini.

Antara inisiatif yang dilakukan adalah seperti *Approval Over Submission* (AOS) dengan izin, di mana permohonan kelulusan khas hanya dalam tempoh yang singkat dan pengurangan kadar bayaran median sebanyak 50 peratus bagi tanah berkeluasan kurang daripada empat hektar bagi PTG Johor.

Selain daripada itu, inisiatif lain yang turut dilakukan adalah pemansuhan kadar bayaran denda oleh PTG Selangor, pemanjangan tempoh bayaran denda oleh PTG Kelantan dan Kempen Pematuhan Syarat Nyata oleh PTG Terengganu. Yang Berhormat juga membangkitkan soal bagi pematuhan syarat nyata ini, Kementerian memang sedar dia memerlukan kos yang tinggi. Jadi bagi Kementerian mengenai masalah ini, kerajaan telah memperuntukkan dana insentif MSPO ini untuk bayar kos penukaran syarat nyata tanah ini. Khususnya untuk para pekebun kecil persendirian.

Kos yang ditanggung di bawah insentif MSPO ini ialah kos permohonan, kos carian, kos salinan, salinan pelan dan kos pengesahan. Jadi anggaran kos yang dibiayai oleh kerajaan adalah sebanyak RM200 per miligram bergantung kepada PTG masing-masing. Itu sahaja, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Merbok.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Sorong papan, tarik papan,*

*Soalan saya nombor lapan, mohon jawapan.*

**8. Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan langkah-langkah agresif promosi pelancongan terhadap Tapak Arkeologi Sungai Batu yang mana secara prinsipnya ia telah terbukti merupakan tamadun terawal dunia berbanding Tapak Candi Borobudur di Jawa Tengah dan Angkor Wat di Cambodia.

**Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Merbok di atas soalan beliau yang diajukan beliau pada hari ini mengenai Tapak Arkeologi Sungai Batu.

Kami di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya iaitu MOTEC komited untuk mengangkat tapak warisan ini untuk dibangunkan bukan sahaja kerana kepentingan sahaja dan warisannya, malah untuk turut diketengahkan sebagai produk baharu pelancongan negara.

Saya sendiri telah berkesempatan melawat ke Tapak Arkeologi Sungai Batu ini semasa siri Jelajah Semarakkan Pelancongan Domestik di negeri Kedah pada 2 Oktober 2020 yang lalu. Pengalaman melihat sendiri keunikan tapak warisan ini serta Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang tidak jauh dari Tapak Arkeologi Sungai Batu ini amat mempesonakan.

Untuk makluman, Tapak Arkeologi Sungai Batu telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan di bawah peruntukkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Akta 645. Pengiktirafan ini merupakan satu bentuk perlindungan ke atas tapak tersebut yang merupakan Tapak Sejarah Negara yang penting. MOTEC melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia dan Kerajaan Negeri Kedah sejak dari tahun 2007 dan kini masih dalam usaha meneruskan penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D bagi melengkapkan data persejarahan Lembah Bujang khususnya di Sungai Batu.

Data penyelidikan arkeologi melalui analisis makmal menunjukkan pentarikhan Sungai Batu adalah pada tahun 788 sebelum Masihi lagi. Ini menjadikannya sebagai penempatan tamadun tertua di Asia Tenggara mendahului dua khazanah arkeologi terkemuka di rantau ini, iaitu Candi Borobudur di Indonesia dan Angkor Watt di Kemboja. Memang benar Kuil Borobudur dan Angkor Watt telah dijadikan pusat pelancongan yang terkenal di kedua-dua negara berkenaan. Jadi ada perbezaannya.

Beza yang ketara ialah aktiviti penyelidikan dan kerja-kerja ekskavasi ataupun *excavation* di tapak-tapak berpotensi arkeologi di Sungai Batu ini masih belum selesai dan sedang giat dijalankan oleh pasukan penyelidikan kita. Oleh itu, tapak ini masih sensitif dan aktiviti pelancongan di kawasan ini turut dikawal. Walaupun begitu, ini tidak bermakna ia tidak boleh diakses dan tidak dipromosikan.

Selain R&D yang saya sebutkan tadi, kerjasama dengan USM ini serta pihak berkuasa negeri turut melibatkan aktiviti promosi di bawah MOTEC melalui Tourism Malaysia menerusi gabungan segmen pelancongan warisan ataupun *heritage tourism* serta pelancongan berasaskan *edutourism*. Sebenarnya panjang lagi Yang Berhormat, nanti saya beri jawapan bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya juga sendiri sedia maklum akan jawapan tersebut. Cuma menjadi persoalan saya adalah, kita telah menerima peruntukkan pada tahun 2019, bahkan mantan Timbalan Menteri juga telah turun membentangkan di hadapan semua Exco kerajaan negeri akan perancangan Sungai Batu. Persoalannya baharu-baharu ini ketika Yang Berhormat Menteri turun, saya terbaca dalam laporan akhbar menyatakan peruntukan tersebut ditarik balik. Bahkan dalam Bajet 2021 tidak ada bajet untuk Sungai Batu, hanya ada untuk BSAS dan juga Carcosa sahaja. Jadi mohon penjelasan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Memang betul. Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul sebab itu saya turun sendiri untuk pergi supaya kita dapat lihat sendiri berapa yang kita perlukan. Ini kerana sebelum itu yang kita pohon telah ditarik balik, maka MOTEC dalam lawatan kami ke Tapak Arkeologi Sungai Batu pada akhir bulan September lalu telah turut menjemput wakil EPU untuk melihat sendiri tapak berkenaan dan MOTEC telah menerangkan perancangan jangka masa panjang di situ.

Jadi kami memohon untuk mendapatkan peruntukkan pembangunan ini untuk *rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-12 tahun 2021 bagi memudahkan kami meletakkan



berapa yang kami perlukan. Kami telah berbincang, mungkin dalam lebih kurang RM50 *million*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**9. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian terhadap syarikat kontraktor yang gagal menyediakan pelan pengurusan trafik (TMP) yang menjadi punca kemalangan dan sejauh mana pemantauan dibuat bagi memastikan pematuhan TMP khususnya di kawasan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Igan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur-prosedur keselamatan seperti berikut digunakan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya semasa pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak:

- (i) prosedur pelan pengurusan trafik dengan izin, *traffic management plan* (TMP) di tapak bina sepanjang pembinaan jalan raya berpandukan piawaian arahan teknik JKR;
- (ii) Akta Kilang dan Jentera 1997, peraturan *Building Operation and Work of Engineering Construction* 1986 dengan izin;
- (iii) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994; dan
- (iv) Garis Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Awam di Tapak Bina tahun 2007.

Jika terdapat kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi prosedur keselamatan, maka arahan pemberhentian ataupun *stop work order* akan dikeluarkan kepada pihak kontraktor. Jadi kerja-kerja pembinaan hanya boleh diteruskan setelah penambahbaikan dilaksanakan oleh kontraktor berdasarkan kepada notis penambahbaikan ataupun *corrective action request* (CAR) dengan izin, oleh pegawai penguasa atau Pengarah JKR Sarawak.

Selain daripada prosedur-prosedur keselamatan tersebut, pemantauan berterusan turut dilakukan oleh kementerian dan JKR Sarawak selaku pegawai penguasa bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya khususnya di sepanjang kawasan pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Ini termasuklah pemeriksaan mengejut di tapak pembinaan untuk audit keselamatan jalan raya oleh pihak ketiga, iaitu Ibu Pejabat JKR Malaysia yang diadakan mengikut keperluan dan aduan sekiranya ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan, soalan tambahan.

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya bangkitkan persoalan ini kerana saya risau mengenai kekerapan kemalangan yang sering dan masih terjadi di sepanjang jajaran Pan Borneo Sarawak dan isu ini sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Bintulu.

Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah kemampuan, kekerapan dan kapasiti Jabatan Kerja Raya di Sarawak dalam melaksanakan pemantauan, pematuhan TMP ini ataupun pelan pengurusan trafik di jajaran Pan Borneo selepas penamatan PDP bagi menjamin keselamatan pengguna di laluan berkenaan. Apakah mencukupi dan memadai? Jika tidak apakah tindakan kementerian bagi menangani isu ini bagi keselamatan pengguna jalan raya? Terima kasih.

■1050

**Dato' Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Igan atas soalan tambahan itu. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa melakukan pemantauan berterusan terutamanya dalam memastikan bahawa prosedur Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan*) ini dipatuhi semasa ke semasa. Pemantauan berterusan ini sentiasa dibuat dengan melakukan penambahbaikan untuk memastikan bahawa tidak ada kejadian-kejadian yang tidak diingini terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan pelanggaran peraturan-peraturan. Ini dengan mengambil kira juga kerajaan menghormati keputusan kerajaan terdahulu untuk menamatkan pelaksanaan PDP bagi Projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Ini disebabkan – perkara-perkara yang gagal dipertimbangkan dalam penamatan PDP ini menyebabkan berlakunya masalah terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran projek dan kebajikan kakitangan serta peraturan kontrak yang menyebabkan kita menghadapi masalah daripada segi prosedur pelan pengurusan trafik, segi pematuhan dan untuk memastikan bahawa TMP ini dapat dilakukan sebaik mungkin.

**10. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan:

- (a) jumlah geran wang yang telah disalurkan kepada kumpulan sasaran selepas kerajaan memperuntukkan geran wang tersebut kepada Unit Transformasi India Malaysia (MITRA); dan
- (b) senarai nama kumpulan sasaran yang telah menerima amaun tersebut untuk tahun 2018, 2019 dan tahun 2020.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Menjawab – Yang Berhormat saya akan menjawab dua bahagian. Ini kerana ada dua soalan.

Pertama, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diberikan kepada MITRA untuk membantu meningkatkan taraf sosial ekonomi kaum India bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM100 juta. Saya pun hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, MITRA telah pun ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri mulai daripada Disember 2018 hingga Mac 2020 dan bermula pada April 2020, pengurusan MITRA diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Agihan peruntukan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut; MITRA di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Januari 2020 hingga Mac 2020 adalah peruntukan sebanyak RM38,886,579 dan MITRA di bawah Kementerian Peraduan Negara dari April 2020 hingga Disember 2020 peruntukan adalah sebanyak RM65,113,421.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan **Mesyuarat**]*

Bagi soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, senarai nama kumpulan sasar yang terima geran tahun 2018, tahun 2019 dan tahun 2020. Pada tahun 2018 *transition* SEDIC kepada MITRA. Jadi, tidak ada apa-apa maklumat yang dapat dibekalkan. Bagi tahun 2019, perbelanjaan kumpulan sasar yang melibatkan kepada peruntukan sebanyak RM58 juta melibatkan sasaran sebanyak 122,920. Bagi tahun 2020, yang saya sebutkan tadi MITRA di Jabatan Perdana Menteri, pada peringkat awal Januari sehingga Mac sebanyak 51,949 dan selepas April dan sehingga sekarang di bawah Kementerian Perpaduan Negara kumpulan sasar yang penerima manfaat sebagai sasaran adalah sebanyak 822,887. Kalau kita campurkan tadi Yang Berhormat, daripada Januari sehingga Disember, sama ada MITRA di bawah JPM ataupun MITRA di bawah KPN maknanya keseluruhan kumpulan sasar adalah yang menerima manfaat daripada program adalah sebanyak 874,836.

Saya ada *detail* dia Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat hendak bacakan Yang Berhormat kerana kekangan masa. Saya boleh bagikan senarai lengkap ini kepada Yang Berhormat. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Soalan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dalam Belanjawan 2021, nampaknya yang diagihkan pada masyarakat minoriti termasuk Cina dan India adalah sangat kurang. Untuk Orang Cina masyarakat Cina hanya lebih kurang sejumlah 101 peratus dan

masyarakat India sebanyak 0.72 peratus. Ini menunjukkan satu diskriminasi yang terlampau. Tidak pernah dalam sejarah ini. Jadi, apakah ini akan menjejaskan perpaduan dan negara ini? Apakah pandangan Yang Berhormat? Apakah yang dibuat dalam untuk mengatasi masalah ini? dan dalam beberapa bulan sebagai Yang Berhormat Menteri, apakah yang Yang Berhormat telah belajar mengenai perpaduan dan apakah yang perlu diserapkan dalam sistem yang sedia ada supaya semua masyarakat diterima sebagai satu masyarakat Malaysia dan adil? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya minta maaf kerana soalan Yang Berhormat ini lari sangat jauh. Soalan asal ialah MITRA. Minta maaf. Soalan asal ialah MITRA dan sasaran. Jadi, saya jawab kepada itu. Saya pun hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat jumlah peruntukan yang kita terima – yang akan kita terima bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM100 juta. Daripada segi perancangan telah pun kita letakkan dan saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa walaupun sejumlah RM100 juta kita terima untuk MITRA untuk tahun 2021, terdapat banyak kemudahan skim bantuan lain untuk masyarakat India yang diletakkan oleh kerajaan pada tahun akan datang di kementerian-kementerian lain. Contoh mungkin bantuan khusus bagi masyarakat India di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan sebagainya.

Jadi, saya ingat kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat bahawa kerajaan sengaja mahu meminggirkan masyarakat India dan sebagainya adalah satu kenyataan yang tidak tepat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran:** *I stand by what I say.*

**11. Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan sehingga 31 Oktober 2020, berapa jumlah hotel dan syarikat pelancongan yang telah gulung tikar sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada Mac 2020? Adakah Kementerian bercadang untuk memberi inisiatif kepada pengusaha hotel dan syarikat pelancongan bagi memastikan mereka boleh terus menampung kos operasi sehingga pintu-pintu ekonomi kembali dibuka.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Machang. *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat dan diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), statistik entiti perniagaan bagi pelancongan dan perhotelan telah menamatkan perniagaan dalam tempoh bulan Mac hingga Oktober 2020 adalah seperti berikut;

Sebanyak 77 buah syarikat dengan Kod 55101 hingga 55109 iaitu hotel dan *resort hotel* dengan izin, motel, apartmen hotel, chalet, *rest house* ataupun *guest house, bed and breakfast units, hostel, homestay and other short terms accommodation*

*activities* dengan izin telah menamatkan perniagaan. Manakala penggulungan oleh mahkamah iaitu sebanyak 22 dan penggulungan secara sukarela ada lapan untuk syarikat dengan kod yang sama iaitu sebanyak 32 buah syarikat.

Sebanyak 57 buah syarikat dengan Kod 79110 iaitu *Travel agency activities*. Kod 79120 iaitu *Tour operator activities* dan Kod 79900 iaitu *others reservation services and related activities* dengan izin telah menamatkan perniagaan. Manakala, penggulungan oleh mahkamah ada sebanyak 26 dan penggulungan secara sukarela sebanyak 12. Untuk syarikat dengan kod yang sama adalah sebanyak 38 buah syarikat.

Pada masa yang sama, jumlah syarikat perusahaan pelancongan yang memohon lesen baharu dan diluluskan dari bulan Mac 2020 hingga 31 Oktober 2020 adalah sebanyak 135 buah syarikat. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) seperti PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA. Inisiatif ini adalah untuk membantu meringankan beban rakyat dan kelangsungan perniagaan. Ia turut boleh dimanfaatkan oleh penggiat industri pelancongan dan seterusnya memulihkan industri ini. Seberapa banyak bantuan dan inisiatif yang ada, tetapi nanti kalau saya bagi jawapan, saya akan sertakan jawapan yang bertulis ini kerana terlalu banyak dan ia akan mengambil masa.

Namun begitu, pada masa yang sama kerajaan telah mengumumkan pelanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sebanyak RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021 bagi merencanakan pelancongan domestik. Pada masa yang sama, MOTAC turut menyediakan kemudahan pembiayaan seperti Tabung Infrastruktur Pelancongan (TIP) menerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP) yang diuruskan oleh Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) bagi membantu pengusaha pelancongan untuk membangunkan dan mengembangkan produk dan projek-projek pelancongan.

#### ■1100

Inisiatif ini boleh membantu penggiat industri pelancongan dan yang berkaitan untuk terus mampan dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam tempoh pandemik ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Ini jelas menunjukkan bahawasanya kesan daripada pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi kita apabila banyak syarikat pelancongan dan juga

hotel-hotel ini ditutup. Mengikut angka yang saya peroleh, jumlah perbelanjaan pelancongan *inbound* berjumlah RM89.4 bilion dan jumlah perbelanjaan pelancongan domestik berjumlah RM92.6 bilion, ini pada tahun 2019.

Jadi, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri. Apakah pihak kerajaan mempunyai satu pelan jangka masa pendek dan panjang, pelan tambahan bagi merencanakan ekonomi pelancongan domestik untuk memastikan kelestarian industri pelancongan ini? Memandangkan sempadan negara masih lagi ditutup dan boleh menyebabkan kepada keadaan kegawatan ekonomi akan menjadi bertambah untuk negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang pun kita ada *stimulus package* sejumlah dalam RM30 *million* untuk tahun ini yang banyak lagi masih belum digunakan. Namun begitu, kebetulan pada hari ini saya akan bersama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, akan menyerahkan penyerahan baucar untuk diskaun untuk merencanakan lagi industri pelancongan sehingga tahun ini.

Pada tahun hadapan, kita ada RM200 juta untuk tahun 2021. Selain itu, ingin saya nyatakan pada 19 November, Jumaat yang lepas, MKN juga telah meluluskan *travel bubble* ataupun bergelembung perjalanan ini untuk kawasan *green to green* ataupun hijau ke hijau. Ini juga salah satu usaha untuk kami menggalakkan ataupun merencanakan ekonomi melalui industri pelancongan. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih semua.

***[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[19 November 2020]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mulai hari ini hingga Khamis, 26 November 2020 adalah giliran Yang Berhormat Menteri menjawab ke atas perbahasan Belanjawan 2021 di peringkat dasar. Saya ingin memaklumkan bahawa setiap Yang Berhormat Menteri diperuntukkan selama 20 minit menjawab Belanjawan 2021 peringkat dasar. Yang Berhormat Menteri akan membuat ringkasan Eksekutif mengenai jawapan mereka di dalam Dewan ini. Jawapan sepenuhnya akan dimuat naik dalam portal Parlimen Malaysia pada hari yang sama. Untuk memulakan, saya ingin mempersilakan kementerian yang pertama...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Saya mohon kerana giliran Menteri menjawab mulai sekarang. Sepatutnya diberi sedikit kelonggaran sebab Ahli Parlimen yang membangkitkan masalah-masalah itu juga hadir dalam Dewan untuk

mendengar. Jadi, tidak terhad dengan jumlah 80 supaya ada sedikit kelonggaran oleh Tuan Yang di-Pertua, membolehkan mereka mendengar hujah Yang Berhormat Menteri sampaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sudah setuju 80 orang itu. Akan tetapi kalau boleh yang 80 orang dihadkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai pertanyaan pada masa itu, 80 orang itu kan. Akan tetapi kalau hendak lebih, terpaksa saya perhalusi perkara ini, beri saya sedikit masa Yang Berhormat, selepas ini.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi secara amnya, kalau boleh saya minta Ketua Whip menentukan bahawa mereka yang berada di Dewan pada setiap masa itu, 80 orang itu ialah mereka yang mempunyai persoalan semasa perdebatan. Saya akan mempertimbangkan, Yang Berhormat. Beri sedikit masa pada hari ini.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa bersetuju dengan apa Tuan Yang di-Pertua katakan tadi. Oleh sebab susah sangat untuk Ketua-ketua Whip untuk menentukan siapa yang mengemukakan soalan tetap kepada Menteri atau kementerian mana. Oleh sebab ini satu tugas Dewan Rakyat untuk bertanya kepada Menteri-menteri yang akan menjawab.

Kalau tidak ada sesiapa yang telah diucap— di dalam situasi sekarang, dari parti-parti masing-masing sekurang-kurangnya 10 orang sahaja yang berucap. *So, you cannot say that those who have not spoken* ataupun yang tidak minta soalan ataupun berucap, tidak boleh minta soalan kepada Menteri-menteri berkenaan.

So, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Port Dickson bahawa perkara ini dilihat sebagai satu perkara yang penting. Biarkan semua Ahli-ahli Parlimen masuk dalam Dewan untuk mendengar perbahasan Menteri masing-masing. Oleh sebab kita tidak boleh menghadkan sahaja kepada orang yang telah berucap untuk minta. Kalau macam itu, *three quarter of the* Ahli-ahli Dewan Rakyat ini tidak akan minta mana-mana soalan.

So, saya minta kelonggaran dalam perkara ini. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh memberikan pertimbangan kepada cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Port Dickson. Saya harap semua Ahli-ahli Dewan Rakyat bersetuju dengan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Port Dickson nanti untuk diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya— Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dewan Rakyat.



**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sebagai Ketua Whip. *Problem* yang kita ada ialah kadang-kadang mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat apabila berucap, dia tidak had kepada satu topik sahaja. Dia mungkin bercakap lima atau enam kementerian. Jadi, kalau kita ada katalah, contoh Keadilan, dekat sebelah sini 39. Kalau kita campur 39 itu, dia bercakap mungkin pada 25 kementerian sekali. Jadi, macam mana kita hendak menghadkan orang ini dia masuk untuk tiga soalan sedangkan dia ajukan lapan soalan kepada lapan kementerian? Itu yang harus kita pertimbangkan balik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak apa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Betul-betul, sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Izinkan saya sedikit masa untuk memperhalusi perkara ini pada hari ini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...dan saya akan kembali...

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...kepada isu ini.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Boleh saya bangkitkan satu perkara? Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mohon supaya tempoh masa untuk perbahasan itu dipanjangkan seperti biasa kita lakukan sebelum ini. Kalau perbahasan hanya dari jam 11 pagi hingga dua petang, dengan hari ini sahaja empat kementerian, esok tujuh dan seterusnya sampailah hari Khamis, di mana kita akan mendengar jawapan daripada Kementerian Kewangan.

Saya bimbang kita tidak akan cukup masa, 20 minit bagi setiap kementerian itu satu tempoh yang terlampau singkat. Amalan kita sebelum ini sampai 12 malam, ada sampai dua, tiga pagi pun ada pernah kita buat. Jadi, saya mohon masa yang cukup untuk kita membahaskan semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang ada di sini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, begini. Ya lah, sebelum ini kita tidak ada COVID-19, sekarang kita ada COVID-19. Kita baru sahaja mempunyai *briefing* daripada Tan Sri baru-baru ini, minggu sudah, yang telah memberikan keadaan COVID-19 semasa yang agak menekan. Adalah amat dibimbangi bahawa jangkitan COVID-19 ini dapat berlaku, terutamanya di Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan *number* yang begitu tinggi. Oleh sebab itu, didapati perlu bahawa kita menghadkan *number* Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan pada setiap masa yang berkenaan dan juga dipendekkan waktu persidangan sampai pukul dua.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** So, sebenarnya saya hendak menjalankan perbahasan ini sekarang supaya kita dapat mengikut masa yang telah ditetapkan. Pada sekarang pun kita sudah 10 minit berbincang perkara yang tidak ada kena mengenalah dengan debat, perbahasan itu. Akan tetapi tidak apa...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Batu ingin memberikan pandangan. Tuan Yang di-Pertua, di sini di belakang.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Batu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Di mana saya balik kepada soal tadi. Kami sebagai *Backbenchers* tidak dapat berbahas semasa perbahasan belanjawan minggu lepas dan sebelum ini. Hanya 88 *Backbenchers* sahaja berbahas. Dengan izin, *I mean, when you limit the time— opposition, sorry. Opposition— when we limit the time*, dengan izin, kami tidak sempat untuk berbahas.

#### ■1110

Sekarang, apabila Tuan Yang di-Pertua *limit the attendance in the Parliament*, macam mana kita hendak bangkit isu-isu kawasan ataupun masalah dalam bajet. Juga pandangan Tuan Yang di-Pertua tadi berkaitan dengan COVID-19, ya, saya setuju di mana COVID-19 ini adalah satu perkara yang baharu. Akan tetapi saya rasa, kita percaya kepada SOP dan perlu patuh kepada SOP. Jikalau kita patuh kepada SOP, kenapa kita perlu risau keadaan dalam Dewan. So, saya mohon Tuan Yang di-Pertua betulkan balik dan memanjangkan masa supaya semua dapat libatkan diri dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, Lembah Pantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ringkas sahaja. Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu dalam hal ini kerana kalau kita lihat, asalnya dahulu, logik memasang pengadang ini adalah untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen lebih ramai masuk ke dalam Dewan. Walaupun kita telah putus untuk hadkan tetapi untuk menghadkan jumlah kehadiran ke dalam Dewan seramai 80 orang dan menghadkan waktu Menteri menjawab, bagi saya ia *double whammy* kepada demokrasi negara kita. Sudahlah Ahli-ahli Parlimen ramai yang tidak dapat berucap dan mereka yang tidak dapat berucap ini senior-senior juga.

Akan tetapi untuk tidak memberikan masa kepada Menteri-menteri menjawab, fungsi Dewan Rakyat bagi saya, menjadi tempang. Ini kerana *the reality is* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang paling penting tentang perjalanan Dewan adalah *Hansard*. Apabila Ahli-ahli Parlimen tidak dapat - *have on record* pertanyaan dan jawapan, maka dia ada satu kekangan ataupun satu ketempangan kepada demokrasi itu sendiri.

Jadi, saya mohon mungkin untuk hari ini bukan sahaja – sama ada kita benarkan lebih daripada 80 orang hadir dan kita panjangkan supaya semua Menteri diberikan masa selama satu jam. Akan tetapi, kita had kepada 80 orang. *Basically*, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, mungkin perlu dipanggil sebab kita ada Ketua *Whip* yang tidak setuju dalam menghadkan Menteri diberi masa selama 20 minit. Saya mohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menambah sedikit. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya hendak cadangkan juga, kita tambah lagi sidang Parlimen. Ini kerana untuk minggu terakhir, kami hanya bersidang selama dua hari. Kenapa kita tidak boleh menambah hari bersidang supaya kita boleh memberi masa yang lebih panjang supaya Menteri-menteri boleh menjawab dengan lebih teliti dalam Dewan Rakyat ini?

Saya rasa Menteri kita berkualiti, tidak mahulah menjadi Menteri yang membaca skrip sahaja. Sebagai Ahli Parlimen, sama ada sudah ambil bahagian dalam perbahasan atau tidak, kita berhak untuk dapat jawapan daripada Menteri-menteri. Saya rasa ini adalah satu prosedur yang sangat-sangat penting yang membuatkan Dewan Rakyat ini satu platform yang cukup mulia dan cukup – supaya kita bolehlah membangkitkan isu-isu yang penting tentang kebajikan rakyat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** *[Bangun]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk juga memberi pandangan. Saya menyokong permintaan Yang Berhormat Port Dickson. Saya sendiri dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat tidak diberi peluang untuk berbahas. Kami telah akur dengan arahan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi, pada masa yang sama, terdapat banyak perkara yang ingin kami bangkitkan ketika Menteri membuat penggulungan. Umpamanya, isu-isu berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Saya beri satu contoh, perkara yang menarik perhatian saya. Ia berkenaan dengan Jabatan Farmasi dan Bekalan. Peruntukan dikurangkan daripada RN1.5 bilion kepada RM512 juta sahaja. Peruntukan yang diberikan oleh

Pakatan Harapan adalah sebanyak RM1.5 bilion berbanding dengan peruntukan sekarang sebanyak RM512 juta sahaja.

So, saya ingin bangkitkan perkara-perkara ini dan perkara lain berkenaan dengan kementerian ini ketika Menteri membuat penggulungan nanti. Jadi, saya merayu supaya Tuan Yang di-Pertua memberi ruang dan peluang dan menerima permintaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Port Dickson supaya kami juga diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan dan juga mengemukakan soalan-soalan ketika Menteri membuat penggulungan nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih terutamanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang membangkitkan perkara ini.

Secara ikhlas dan jujur, saya pun pernah berada di sebelah pembangkang. Saya boleh bersetuju sekiranya kita memperuntukkan masa yang panjang, bukan sahaja kepada Menteri, kepada Ahli-ahli Parlimen kerana banyak perkara yang hendak disampaikan. Namun demikian, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita ada kekangan. Kekangan sebagaimana yang kita sebut, ini bukan alasan, *it is not a –* kita bagi sahaja *reason* yang tidak bersesuaian. Saranan daripada KKM, *longer Parliament is riskier* dengan izin kata *DG Health*. Itu kekangan kepada kita. Kami, apabila diberitahu kepada Menteri-menteri, mereka hanya ada 20 minit sahaja, semuanya mengeluh kerana tidak dapat menyampaikan segala yang hendak dijawab. Akan tetapi itulah peraturan.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan terutamanya di pihak pembangkang. Saya memberi jaminan dan Tuan Yang di-Pertua pun beri jaminan, sebaik sahaja setiap Menteri ini habis menjawab dengan membentangkan *executive summary* sahaja dalam masa 20 minit. Macam saya pun, ada lebih daripada 30 muka surat *executive summary*, tidak habis. Sebaik sahaja Menteri itu habis membuat penggulungan dalam tempoh yang dibenarkan, segala teks yang tidak habis, yang panjang itu di-*upload*-kan di dalam portal Parlimen.

So, macam Yang Berhormat Lembah Pantai, rakan saya kata masalah *Hansard*, tidak timbul. Ini kerana apa yang tidak sempat disampaikan pun akan di-*upload*-kan ataupun boleh dibangkitkan pada masa-masa yang lain juga. Itu keadaan kekangan yang adalah - *with all due respect to* semua kita di sini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hendak tanya sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit sahaja. Perbincangan ini nampaknya tiada pengakhiran. Kita sudah putuskan dalam Mesyuarat Ketua-ketua *Whip*. Jadi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, panggil semula Ketua-ketua *Whip*, putuskan yang baharu. Kita tidak boleh putuskan berdasarkan perbincangan di sini.

Tadi Ketua *Whip* telah memaklumkan bahawa ini – kita telah putuskan dalam mesyuarat tersebut. Jadi, kalau kita tidak percaya kepada Ketua *Whip*, kita panggil Ketua Parti pula, kita putuskan di sana. Kalau tidak semua orang hendak bercakap, kita sudah rugi selama 17 minit sekarang. Kita kena teruskan supaya – apa yang Menteri sebut tadi supaya yang tidak dapat dijawab, akan dijawab secara bertulis. Kita boleh tengok benda ini akan dimasukkan dalam *Hansard*. Saya percaya ia akan dimasukkan dalam *Hansard*. Bagi yang tidak dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis juga akan dimasukkan dalam *Hansard*. Itu yang terbaik.

Saya ingat kalau kita membuka perbincangan secara terbuka begini, saya tidak dapat mendengar Menteri. Saya juga ada hak untuk mendengar jawapan daripada Menteri, kalau kita hendak berbincang juga, kita bincang dalam Mesyuarat *Whip*. Panggil Mesyuarat *Whip* untuk putuskan. Ataupun kalau kita tidak percaya kepada *Whip*, kita panggil semua orang, putuskan bersama. Bukan dalam keadaan berbincang di sini yang Tuan Yang di-Pertua terpaksa membuat keputusan, tanpa mengikut persetujuan daripada Ketua *Whip* ataupun ketua-ketua parti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya hendak tanya satu perkara.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup, cukup. Saya setuju. Saya rasa sebab keputusan Ketua *Whip* itu, saya akan menjemput Ketua *Whip* sekali lagi ataupun ketua parti. Siapa yang ingin datang untuk *discuss* perkara ini. Mari kita mulakan sekarang...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua. Cuma satu, ini perkara asas, Menteri bagi penjelasan, terima kasih. Akan tetapi, ini bukan hendak dengar kuliah Menteri. Ini – Parlimen ini tempat perbahasan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Kalau kita tidak benarkan masuk [*Tepuk*] satu. Keduanya, tunggu dia baca *executive summary* selama 20 minit, kemudian baca teks, tidak payah jadi Ahli Parlimen.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya, Menteri baca skrip.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya, faham peranan Parlimen itu terutama semasa jawapan Menteri membahaskan, mencelah, mempertikai, mempersoalkan. Ini tidak mungkin berlaku dalam masa 20 minit. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua beri sedikit kelonggaran. Kalaupun tidak sepenuhnya, setelah Tuan Yang di-Pertua cadangkan adakan mesyuarat, saya setuju. Akan tetapi beri kelonggaran sedikit supaya lebih daripada 80 orang boleh masuk dan waktu untuk Menteri ditambah, supaya ada pencilahan. Kalau tidak, *Parliament does not work in this manner*. Menteri bagi jawapan eksekutif, *no question asked, no time* dan kemudian yang lain boleh baca di rumah. *This is not the spirit* yang patut dihormati oleh Parlimen [*Tepuk*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya hendak tanya satu perkara. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut bahawa, nasihat ialah kita tidak patut bersidang dengan panjang kerana ini akan menambah risiko. Akan tetapi saya hendak tanya. Rakyat jelata di luar, mereka bekerja berapa jam? Kalau mereka boleh bekerja selama lapan jam, kenapakah Ahli Parlimen tidak boleh? Kita sepatutnya yang berkhidmat, kita datang ke sini bekerja selama empat jam dan dapat elaun untuk sepanjang hari.

#### ■1120

Saya rasa ini satu contoh yang sangat buruk. Kalau kita cakap bahawa tidak boleh kerja lebih daripada empat jam, saya harap prinsip ini diguna pakai untuk seluruh rakyat jelata.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu bukan nasihat saya, Yang Berhormat Kulai. Itu nasihat Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Ketua Pengarah Kesihatan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu nasihat dia. Kalau kita tidak dengar nasihat KKM, siapa lagi kita nak dengar?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu sahaja. Yang dipertahankan oleh pembangkang pun.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Kota Bharu perlu hadir.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tadi Tuan Yang di-Pertua kata *executive summary* yang akan dibentangkan oleh Menteri masing-masing, yang lain itu boleh dimasukkan rujukan kepada *Hansard*.

Saya tanya soalan sebab apa Ahli-ahli Dewan Rakyat yang tidak berucap, nota mereka ataupun ucapan mereka tidak boleh masuk dalam *Hansard*? Kalau jawapan dari Menteri di dalam Dewan sahaja 20 minit, yang lain itu semua boleh masuk dalam *Hansard* yang tidak dijawab di dalam Dewan oleh Menteri, fasal apa kita punya *statement* tidak boleh masuk dalam *Hansard*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab saya panggil Yang Berhormat Kuala Langat jumpa saya *last week*. Saya tunggu satu jam, Yang Berhormat tidak datang. Satu jam saya tunggu Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya selalu *engaged*. Saya *call* Yang Berhormat, saya yang ajak Yang Berhormat jumpa untuk *discuss* benda ini. Saya tunggu satu jam. *[Tepuk]* Saya sudah cakap banyak kali. Pintu saya terbuka, mari kita *discuss*. Akan tetapi, kalau *discuss* pun kita tak nak ikut, susahlah. Kemudian, bila kita buat perjanjian untuk *discuss* pun tak datang, lagi susah. *[Tepuk]*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun perlu kerjasama dari semua pihak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, cukuplah. Kita mulalah dengar Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa. Lepas ini...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, minta izin dua minit, Tuan Yang di-Pertua. Minta izin sangat-sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya sangat menyanjung usaha-usaha yang dilakukan oleh MOH khususnya Tan Sri KPK. Ini adalah kesemuanya atas kepentingan kemaslahatan, menjaga kita di dalam Dewan ini.

Namun, untuk saya nyatakan dan rakamkan di sini, daripada kajian yang paling mutakhir, *among the top notch clinicians* dan juga *experts* daripada *Harvard School of Public Health* yang membuat dapatan terkini, kalau seorang itu punya gejala dan juga positif COVID, satu batuk sahaja daripada pesakit itu akan mengeluarkan dan merembeskan tidak kurang daripada 3,000 titisan *respiratory droplets*. Kalau bersinnya,

menghasilkan 30,000 *droplets* dan jutaan virus partikel yang akan dihamburkan dan dirembeskan.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, kami semua setiap dua minggu dikehendaki untuk menjalani RT-PCR, *the gold standard* dalam menjalani ujian untuk mengesani virus SARS-CoV-2 itu. Selain daripada itu, setiap langkah telah kita lakukan termasuklah untuk *sanitize this* Dewan yang mulia ini.

Lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mempertikaikan andainya kalau ia perlu dilakukan *based on science and evidence*, setelah kita didapati dan dikenal pasti tidak punya gejala dan kalau PCR lah ujiannya, *it can even pick up dead virus particles*, bukan sahaja virus yang hidup tetapi *pre* dan juga *late phenomenon of infections*.

Jadi, *we are to a large extent by way of—* dari segi kita punya *conversations*, kalau seorang Menteri bercakap, kita elakkan tiga iaitu *confined, congested and conversations*. Ini adalah seorang Menteri bercakap dalam jarak yang jauh antara kita, dalam satu Dewan yang telah pun disanitasi, saya mempertikaikan kenapa kita dikekang seorang Menteri hanya diberikan 20 minit? Kerana ia tidak berpandukan *science* dan *evidence based medicine*. [Tepuk]

Jadi, sementara saya menghormati pandangan Tan Sri KPK, saya tahu di luar sana kita punya banyak lagi pakar-pakar sama ada *infectious diseases, clinicians, expert in epidemiology* dan sebagainya. Saya tidak mahu mempertikaikan semua itu dan tidak mahu mempertikaikan kepakaran siapa-siapa pun. Cumanya, *let based our discussion and decisions on evidence and science yang thorough* dan terkini kerana *we are still learning a lot more of this virus SARS-CoV-2*, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pohon Tuan Yang di-Pertua menimbangkan semua ini dan saya minta supaya pakar-pakar dilakukan satu *caucus*, satu perbincangan di kalangan pakar-pakar termasuk yang di luar MOH dan libatkan satu libat urus *top-notch clinicians of infectious disease, epidemiologists* dan semuanya bergandingan dengan MOH dan Tan Sri KPK. Saya pohon, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dipertimbangkan dengan sewajarnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Adakah mantan Menteri Kesihatan mempertikaikan DG?

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Tuan Yang di-Pertua, satu celahan saya. Premis yang digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua ialah...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Pasti tidak ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita tidak boleh mempertikaikan DG. Tidak boleh buat macam itu.



**Seorang Ahli:** Yang Berhormat sudah... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** ...Kalau lama-lama dalam Dewan, mendedahkan risiko. Itu satu ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, sila duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mantan Menteri Kesihatan mempertikaikan DG.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Itu premis yang pertama. Berlama-lama dalam Dewan dikatakan meningkatkan risiko. Itu satu. Premis yang kedua adalah beramai-ramai dalam Dewan juga akan mendedahkan kita kepada risiko. Itu premis yang digunakan. Sandarannya, nasihat Ketua Pengarah Kesihatan.

Saya hendak sebut begini ya. Tuan Yang di-Pertua telah berusaha sedaya mungkin melakukan ikhtiar bagi mengurangkan risiko itu. Dalil? Arahan dua minggu sekali buat pemeriksaan. Itu ikhtiar. Cuba baca surat ini. [*Sambil menunjukkan sepucuk surat*] "*Sekiranya Yang Berhormat gagal menjalani ujian, Yang Berhormat akan diminta tidak menghadiri sidang.*" Saya tidak pernah gagal menjalani ujian. Okey. Katalah saya didapati negatif tetapi kerana ada kekangan 80 orang, maka saya pun tidak boleh masuk juga. *So, it defeats the purpose of* buat benda ini. [*Sambil menunjukkan sepucuk surat*] Ini ikhtiar.

Jadi, permintaan yang dianjurkan tadi ialah apakah mungkin dipanjangkan tempoh persidangan supaya Menteri bukan 20 minit atas alasan yang diberikan tadi. Itu yang pertama. Kedua adalah melonggarkan angka kehadiran lebih 80 orang. Itu syor kita yang sangat spesifik. Mekaniknya bagaimana? Tuan Yang di-Pertua menganjurkan agar dibuat semula pertemuan melibatkan Ketua-ketua *Whip*. Kata Yang Berhormat Arau, kalau itu tidak cukup itu, Ketua-ketua Parti. Akan tetapi, mesti ada *clarity*, mesti ada jawapan. Perkara ini kalau dipersetujui, kita boleh teruskan. Saya ingat itulah yang terbaiknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu sebab saya kata mari kita mulakan sekarang. Selepas ini saya akan adakan perjumpaan itu. Akan tetapi, kita mesti ingat, kita ada itu hari lepas hari Khamis, hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Tidak ada siapa pun *contact* saya. Saya hari Ahad pun saya datang *office* kalau ada perkara yang berbangkit seperti ini. *WhatsApp* saya semua orang tahu, boleh *contact* saya *anytime*. Saya sanggup datang Ahad malam pun kalau nak *meeting* tetapi tiada siapa yang *contact*. [*Tepuk*] Akan tetapi, tiba-tiba pukul 11.00 pagi, perkara ini dibangkitkan.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Tidak apalah, itu yang lepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam masa hari...

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Kita nak *move on*. Kalau Tuan Yang di-Pertua *dok* ungit-ungkit, itu tidak *move on* lah. *Let's move on*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua kena teruskan kepada Menteri menjawab. Sudah 28 minit kita rugi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dulu hari bajet pun... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebab nanti timbul macam mantan Menteri Kesihatan pertikaikan DG. Tidak bagus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi tak apa.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Arau, jangan buat fitnah. Saya... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolonglah, saya nak bercakap pula. Semua Yang Berhormat dah bercakap setengah jam, bagi saya bercakap pula.

So, ini keluhan saya. Ini keluhan saya. Kita ada persetujuan, kemudian tidak ada sesiapa pun yang *contact* saya untuk membangkitkan perkara ini supaya kita boleh bincangkan perkara ini sebelum hari ini. Itu maksud saya. Tiba-tiba hari ini dibangkitkan persoalan ini. Samalah macam hari bajet itu hari. Tidak ada sesiapa yang membangkitkan perkara itu sehinggalah pukul 4.00 petang hari bajet. Jadi kita sudah rugi. Sekarang sudah 29 minit kita rugi. So, itu keluhan saya.

So, tidak apa, saya akan adakan semula mesyuarat pada hari ini tetapi sekarang mari kita teruskan seperti yang telah kita setujui. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) untuk memulakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu. Akhir sekali. Bukan isu yang dibangkitkan tadi. Saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk memaklum balas— kita berterima kasih Yang Berhormat Kota Bharu pun ada di sini. Kalau kita menghormati Tan Sri DG, kenapakah tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap Yang Berhormat Bintulu sampai sekarang? Beliau pun hilang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dah minta...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua telah minta saya hantarkan surat, saya hantarkan surat. Jadi apakah tindakan yang akan diambil terhadap Yang Berhormat Bintulu?

## ■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah hantarkan surat Yang Berhormat kepada beliau untuk meminta penjelasan kerana itu perbalahan fakta.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan perbalahan fakta Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman, apa yang jelas ialah Yang Berhormat Bintulu menuduh mengatakan Tan Sri DG tidak turun ke Sabah tetapi fakta itu telah dipertikaikan Tan Sri DG kata beliau telah pergi ke Sabah.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Jelutong duduk Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat telah menulis surat untuk saya tentang perkara itu. Saya telah menghantar surat itu kepada Yang Berhormat Bintulu meminta penjelasan beliau kerana itu perbalahan fakta. Sama ada fakta itu mengelirukan atau tidak. Saya minta Yang Berhormat Bintulu untuk memberikan penjelasanlah.

Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** So, bila kita hendak bahas bajet ini?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Only, short on*— berkaitan perkara yang sama kerana Yang Berhormat Bintulu telah pun meminta maaf secara umum. So, saya rasa tidak ada perbalahan fakta di sini. Adalah amat jelas bahawa beliau telah buat satu kesilapan. Beliau harus meminta maaf dan menarik balik dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau boleh saya rasa itu harus dilaksanakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan-bukan, Yang Berhormat Jelutong— begini Yang Berhormat, ia dua isu. Satu isunya ialah beberapa Ahli Yang Berhormat meminta saya untuk *overrule* Timbalan Yang di-Pertua untuk meminta Yang Berhormat Bintulu meminta maaf. Itu saya sudah terangkan, saya tidak boleh buat. Sebab saya tidak boleh *overrule* timbalan saya sendiri sebab apabila timbalan itu duduk di kerusi ini, beliau mempunyai kuasa Yang di-Pertua dan beliau telah buat *ruling*. Saya tidak boleh *overrule ruling* tersebut. Itu nombor satu.

Akan tetapi, persoalan yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jelutong minggu sudah ialah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bintulu itu mengelirukan kerana beliau cakap Yang Berbahagia Tan Sri tidak pergi ke Sabah,

sedangkan Yang Berbahagia Tan Sri membuat kenyataan akhbar bahawa beliau ke Sabah. Itu yang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong.

Jadi itu adalah satu perbalahan fakta. Saya telah memohon Yang Berhormat Bintulu untuk memberikan penjelasan, apa yang dimaksudkan beliau kata itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya telah minta beliau supaya hadir di Dewan ini dan juga memohon maaf di Dewan ini kerana kenyataan dibuat menghentam Tan Sri DG di Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tentang permohonan maaf itu, saya sudah cakap saya tidak boleh *overrule ruling* yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat Bintulu telah meminta maaf secara *public*, saya baca di berita...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kenyataan itu adalah kenyataan permohonan maaf bersyarat. Beliau kata beliau tidak mahu mengganggu kelancaran prosiding Dewan Rakyat dan beliau juga mahu menjaga keharmonian masyarakat umum dan beliau tidak juga tandatangan kenyataan itu. Kalau kita lihat kenyataan permohonan maaf itu tidak ditandatangani oleh beliau. So, saya sangsi, saya syak. Ini bukanlah permohonan maaf dari beliau secara ikhlas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya sudah kata *last week, ruling* telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beliau tidak membuat *ruling* untuk memerintahkan Yang Berhormat Bintulu untuk meminta maaf. Saya tidak boleh *overrule*. Saya tidak boleh *overrule*.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua kalau, Batu di belakang. Kalau *refer* pada *Hansard* sebelum ini. Timbalan Yang di-Pertua tidak bagi *ruling*, dia bagi tiga opsyen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia cakap *ruling* empat kali Yang Berhormat. Saya baca *Hansard* itu.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** *Ruling* dengan opsyen lain. Dia bagi tiga opsyen, satu tarik balik, satu bagi penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya baca *Hansard*, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua mengatakan beliau hendak membuat *ruling*. Saya rasa empat kali. Saya baca *Hansard* itu. Jadi, jangan suruh saya atau meminta saya membuat sesuatu yang saya tidak boleh buat. Banyak sangat permintaan yang suruh saya buat benda yang saya tidak boleh buat.

Tidak apa, tentang penjelasan itu, kita tunggu. Saya sudah hantar surat kepada beliau Yang Berhormat Jelutong.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, saya hendak mulakan bahas ini. Bila hendak habis?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ya, ini untuk Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua. Ini untuk kelancaran Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita hendak bahas bajet kah, tak nak bahas?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas, saya telah menghantar satu surat kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membuat satu *ruling* mengenai jawapan yang telah saya terima daripada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Apa yang saya pertikaikan adalah data yang diberikan dalam jawapan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah minta penjelasan. Saya tunggu penjelasan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, hasrat saya ini adalah ia digunakan sebagai iktibar, memandangkan setiap kementerian telah diberikan 20 minit, apa jaminan data yang mereka berikan kepada kita ini betul atau tidak? *This the budget*. Kalau jawapan untuk Q&A pun boleh kelentong sampai macam ini, mengenai isu wanita, keluarga, kanak-kanak, keganasan rumah tangga, jenayah seksual kanak-kanak— *there is no transparency accountability*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Minggu lepas hari Selasa, hari Rabu saya bagi surat kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong jangan sebut 'kelentong'. Kita masih — itu perbalahan fakta, Yang Berhormat kata ada kekeliruan...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan perbalahan fakta, ia adalah terang-terang...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Saya sudah minta penjelasan, kita tunggu dulu. Kenapa kita hendak *jump the gun*? Sebab itu...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sebab tidak ada ketelusan dalam jawapan yang diberikan dalam soalan lisan. Apa jaminan kita akan dapat ketelusan jawapan yang diberikan oleh kementerian untuk belanjawan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tungguilah. Kita tunggu penjelasan beliau. Kita tidak...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *It is of grief urgency* Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan satu perkara yang amat mustahak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah baca *Hansard* itu.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tidak ada Q&A, kita tidak boleh tanya. Kalau hari itu saya dibenarkan saya akan tanya kenapa jawapan ini tidak konsisten. Kenapa ada satu kelompangan yang besar jawapan yang saya terima.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada tanya *additional question* itu hari, dua kan?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Bukan, jawapan yang diberikan. Itu saya kena kira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, Yang Berhormat boleh tanya pada waktu itu. Tapi, tidak apalah...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri — Yang Berhormat Menteri pun ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak faham. Apabila disuruh saya membuat sesuatu ketetapan bahawa sesuatu jawapan itu mengelirukan, maka saya perlu membuat *conclusion*, ketetapan bahawa apa yang dikatakan itu mengelirukan. Itu berkait rapat dengan kenyataan fakta. Jadi saya perlu melihat kepada faktanya dahulu. Saya tidak boleh kata terus keliru.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Baik, saya harap Tuan Yang di-Pertua akan membuat satu keputusan yang baik untuk kesejahteraan kami Dewan Rakyat terutama sekali yang telah bertanyakan soalan kepada pihak Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah minta penjelasan. Kita tunggu.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, saya menanti jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kita tunggu. Dua-dua Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Batu Kawan sekali.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya tunggu, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak).

**11.37 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih dan salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengatakan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri khususnya perkara-perkara yang berkait terus dengan hal Sabah dan Sarawak.

Saya akan rujuk terus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Putatan dan biarkan saya siapkan dulu ulasan-ulasan dan jika ada masa nanti yang tiada bahas pada masa perbahasan, kita akan sentuh jika ada masa ataupun peringkat jawatankuasa pun banyak lagi mulai minggu depan dan boleh dibangkitkan seterusnya.

Perkara-perkara yang dibangkitkan seperti fungsi dan peranan Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak di Jabatan Perdana Menteri, status semasa pelaksanaan 21 perkara yang telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang dilaksanakan di bawah kerajaan terlebih dahulu. Juga sama ada kerajaan bercadang untuk meneruskan dengan pindaan kepada Perkara, Artikel 1(2), Perlembagaan Persekutuan dan juga adakah pihak kerajaan bercadang untuk mendedahkan kepada umum kandungan laporan Jawatankuasa Khas Kabinet oleh pihak kerajaan yang lalu.

#### ■1140

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 63 (MA63) telah dimulakan semenjak tahun 2016 lagi di bawah pentadbiran mantan Perdana Menteri yang keenam iaitu Yang Berhormat Pekan, melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan *Devolution of Authority*.

Pada tahun 2016, satu perjumpaan telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang keenam dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada waktu itu yang telah diadakan untuk membincangkan tuntutan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah pelaksanaan *devolution of power* yang mana beberapa keputusan dasar antara dipersetujui untuk dilaksanakan.

Antara perkara-perkara yang telah dipersetujui adalah menyentuh mengenai isu-isu seperti kuasa pendakwaan, penggubalan undang-undang baharu berkenaan dengan negeri Sarawak, penurunan kuasa atau *delegation the power* untuk perkhidmatan, pendidikan, kesihatan, alam sekitar dan projek pembangunan di Sarawak.

Ekoran daripada perbincangan yang diadakan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak berhubung dengan *devolution of power* tersebut, Jemaah Menteri pada 11 Mei 2016 telah setuju untuk melaksanakan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak yang mana dilaksanakan berpandukan kepada hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada negeri-negeri.

Terdapat lapan perkara telah dibincangkan di bawah Jawatankuasa *Devolution of Authority*. Daripada jumlah tersebut tiga perkara telah diselesaikan iaitu daripada segi kewangan, peruntukan kuasa pelesenan import dan eksport, kayu dan produk kayu,

pengagihan gas di Sarawak, pelepasan tanah yang di-*reserved* bagi maksud Persekutuan.

Manakala baki lima lagi perkara yang telah tidak dapat dimuktamadkan kerana Parlimen dibubarkan pada 7 April 2018 untuk memberi laluan kepada pilihan raya masa itu. Baki lima perkara ialah kewangan, kajian semula pemberian khas, duti setem tanah dan hasil daripada tanah, kuasa elektrik dan pengagihan gas bagi negeri Sabah, cari gali minyak dan perlombongan Akta Laut 2012 [*Akta 750*].

Saya tidak akan sentuh ini kerana kita akan masuk ke dalam kawasan seterusnya iaitu Jemaah Menteri Kerajaan PH pada 5 September 2018 telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan MA63. Jawatankuasa Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketujuh iaitu Yang Berhormat Langkawi yang dianggotai oleh Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Menteri-menteri Persekutuan, pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta ahli-ahli akademik. Jawatankuasa MA63 ini telah bermesyuarat sebanyak lima kali iaitu tahun 2018, Mac 2019, 17 Mei 2019, 23 Julai 2019 dan yang terakhir pada 18 November 2019.

Di bawah Jawatankuasa ini sebanyak – dengar sungguh-sungguh, 21 perkara tuntutan telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk dikaji, untuk disemak dan dibincangkan. Sebahagian daripada tuntutan yang dikemukakan tersebut adalah merupakan perkara-perkara yang telah dibincang oleh Kerajaan BN terdahulu tetapi belum lagi diselesaikan pada masa tersebut.

Daripada 21 tuntutan yang telah dikemukakan sebanyak 17 perkara telah dibincangkan dan mendapat persetujuan bersama untuk diselesaikan secepat mungkin. Bukan diselesaikan ataupun siap diselesaikan kerana dia perlu ada memerlukan perundangan. Ada perlu *regulation changes*, tetapi dipersetujui untuk diselesaikan cepat-cepat.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri boleh minta penjelasan.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Boleh minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tunggu dahulu. Daripada 17 perkara...

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Bandar Kuching minta celahan.



**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...sebanyak tiga perkara dianggap selesai sepenuhnya manakala 14 perkara lagi memerlukan tindakan lanjut untuk dilaksanakan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan, boleh?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Nanti dahulu. Saya selesaikan dahulu. Jawab dahulu kepada mereka yang telah bertanya. Yang Berhormat Kota Kinabalu saya tengok belum berucap lagi.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Bandar Kuching juga, Bandar Kuching.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Akan tetapi, kalau ada masa penghujung saya cuba, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh, Bandar Kuching?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tiga perkara yang dianggap selesai sepenuhnya dan tidak memerlukan tindakan susulan ialah tuntutan duti eksport balak, hasil hutan di Sabah, pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan di negeri Sabah dan yang ketiga, isu pertanian dan perhutanan.

Ada 14 perkara yang telah dianggap dalam penyelesaian bukan selesai tetapi dalam penyelesaian dan memerlukan tindakan susulan. Saya senaraikan untuk rekod *of the House*.

Satu, pengedaran gas LPG Negeri Sarawak dan penyerahan kuasa kawal selia selat, elektrik dan gas di Negeri Sarawak, pelaksanaan kerja raya Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak, tenaga buruh di Negeri Sarawak dan Sabah. Ini sebagai contoh misalnya belum dapat diselesaikan kerana perlu perubahan undang-undang tetapi dipersetujui untuk diuruskan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu saya tahu kamu dalam *newspaper* mengatakan kami sudah selesaikan 21. Manalah tiada, tiga sahaja dan yang lain-lain itu *in principal we are agreed to solve* dan itu undang-undang *to do regulation. I give you space*, Yang Berhormat.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Okey, boleh minta penjelasan, Bandar Kuching.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tentang tenaga buruh di Sarawak, kuasa negeri atas isu kesihatan di negeri Sabah dan Sarawak, obligasi kewangan Persekutuan di bawah senarai bersama Perlembagaan Persekutuan, semakan semula pemberian khas, penangkapan ikan, perikanan laut dan muara, tanah diberi hak kepada Persekutuan Negeri Sabah dan Sarawak, kuasa baki perundangan

mengenai alam sekitar dan pelancongan, Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan iaitu mengenai perjawatan, penurunan kuasa asal ke Mahkamah Sabah dan Sarawak, bidang kuasa Hakim Besar Sabah dan Sarawak, autonomi pentadbiran Mahkamah Negeri Sabah dan Sarawak dan Penghalangan Penghakiman Borneo Mahkamah Rayuan bagi mendengar kes difailkan di Borneo.

So, semua ini telah diperakukan untuk perlu di-*address and to be solve*. Akan tetapi, belum dapat diputuskan sepenuhnya. Ketiga belas, pelantikan Suruhanjaya Kehakiman di Borneo. Keempat belas, duti setem yang dikenakan ke atas instrumen pemurnian caj pembubaran tanah di Ordinan Tanah Sabah dan Sarawak.

#### ■1150

Seterusnya, seperti saya cakapkan tadi, 14 perkara ini belum pada masa Kerajaan Pakatan Harapan membuat memorandum untuk menghentikan komuniti yang dahulu dan *by first week of March*, sudah berubah kerajaan. So, tergantung di situ. Seperti saya katakan tadi, *what is happening, the latest*. Manakala empat perkara lagi adalah masih di peringkat perbincangan lanjut di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah masih lagi belum dibincangkan kerana keputusan pada waktu itu, pada masa Pakatan Harapan ialah *these are the* royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum, mineral minyak dan medan minyak, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan hak negeri ke atas pelantar benua. Ini empat, Pakatan Harapan punya Perdana Menteri pada waktu itu dan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak memutuskan *do not touch this first. We need to sit down* dahulu. So, begitu sebenarnya yang telah terjadi di situ.

Seterusnya, namun walaupun banyak yang tergantung kerana 14 itu setuju untuk diselesaikan tetapi belum ada tindakan susulan oleh kerana memerlukan susulan tindakan dari segi perundangan, daripada segi *regulations*. Then, COVID-19 comes into the scene semenjak bulan Mac. Maka, banyak yang tergantung.

Namun, seterusnya di bawah Kerajaan Perikatan Nasional, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memulakan *at least, in the case of Sarawak, to address* perihal royalti belum tetapi perihal gas. Sebahagian banyak yang melalui perbincangan bersama dengan Kementerian Kewangan dan Menteri Kanan Kerja Raya dan Sarawak dan mereka telah mencapai – *not all yet* tetapi *they have advanced including matters on pricing dan so on*. So, it is not that belum, banyak yang telah berubah.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya soalan?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh minta penjelasan? Bandar Kuching.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majlis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Kota Belud.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya mahu *address* dahulu kepada mereka yang telah membahaskan perkara ini. Kalau ada masa, saya beri kepada Yang Berhormat. Okey, *thank you*. So, setelah membincang ini dan baru-baru ini, *just* dua minggu yang lalu, negeri Sabah telah memberi *signal* kepada Kerajaan Pusat *to address the issue of gas* untuk Sabah menggunakan *approach* yang telah digunakan oleh *Federal* untuk menyelesaikan perkara ini dengan Sarawak. Namun, ini belum lagi secara rasmi.

Kita berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari yang lalu dan perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis dan ini yang saya mahu secara rasmi di Dewan ini. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa satu jawatankuasa ataupun majlis khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat, diumumkan pada 16 September pada masa di Sibiu. Mereka akan bermesyuarat pada Isnin minggu hadapan mengenai perkara-perkara yang *out outstanding* dan juga perkara-perkara seperti yang Sabah ingin sentuh kan. Jawatankuasa ini adalah disertai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah.

*Of course, we are thankful, it's a new government in Sabah, so can work with the Federal Government.* Sudah hampir 8 bulan tidak ada *discussions* mengenai dengan MA63 kerana perlu banyak perhubungan yang rapat untuk menyelesaikan perkara ini. *I know* Yang Berhormat Kota Kinabalu *will disagree with me*, namun dengan ini...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh tanya soalan penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *No*, susah. *I will engaged* juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya tidak?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Bukan *last one*, tidak buka untuk – kalau tidak beri sentuh *now* pun boleh nanti berucap minggu hadapan dalam peringkat Jawatankuasa JPM. Okey, dua perkara yang dibangkitkan juga, adakah mengatakan bahawa Laporan Akhir Jawatankuasa Kabinet itu yang mereka telah bubarkan pada penghujung...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak bagi pencelahan kepada Yang Berhormat Semporna?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat, tidak bahas. So, saya akan beri keutamaan dahulu kepada yang perlu dijawab. Yang Berhormat, ada masa saya akan kasi. Banyak kerja sekarang, semua rajin membahaskan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Saya turut membahaskan juga.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, adakah kerajaan bercadang untuk membentangkan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang lalu kepada awam? Jawapan kita adalah Tuan Yang di-Pertua, tiada perlu untuk itu. Satu ialah ini bukan satu *inquiry because meeting Minister with Sabah government, Sarawak government and Federal*. Itu satu. *So, we puts in inquiry by obligation, we should be giving a report but this is a governmental report.*

Kedua, seperti saya katakan tadi 20 perkara itu, tolak 4 yang tidak pun disentuh, 3 yang selesai, tinggal 14 belas yang itu. *Most of them are still agreed in principle to be resolve*. Akan tetapi belum lagi boleh dianggapkan sebagai selesai kerana memerlukan perundangan. *I think* Yang Berhormat Semporna tahu. *Just for water. Just in the case of energy, 4 undang-undang that you have to implement* akta dan beberapa yang lain lagi. *So, you can't say it is sort of solved. It is not my job and our job to follow up the matter.*

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh tanya soalan?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, saya gulung. Yang Berhormat Penampang telah sentuh ini. Adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk membentang lagi pindaan untuk mencapai *equal status* dan bawa balik kepada Parlimen yang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan tetapi tewas dalam pemberian tanah sebahagian kami dan Sarawak khususnya, tidak menyokong kerana kami tidak mahu perubahan dalam Artikel 12.

Saya dalam perbincangan dengan Yang Berhormat Perdana Menteri yang akan dibincang pada Isnin ini akan perkara ini. Terpulang kepada Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak. *I will do the engagement to sit down. If we can have the numbers to change, why not? I am really surprised why Pakatan Harapan does not sokong.* Dahulu berhabis hendak sokong. *Now you want the akta to lebih kuat because Sarawak very persistent* mengatakan Sarawak inginkan *precedent to MA63*. *So, I will engaged*

Yang Berhormat Semporna *and everybody and let's do it together. If you asked me, I don't mind to tell the House, Prime Minister said, he is open. Okey.*

■1200

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh tanya soalan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *But engage them. Are you going to have the numbers or not.* Telah kalah.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** *Do have the numbers or not?*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya rasa itu kebanyakannya okaylah. Kasi Sarawak *one.*

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Boleh tanya soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Boleh tidak, boleh Yang Berhormat beri?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Bandar Kuching ingin tanya soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching dulu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya kasi sama Yang Berhormat Semporna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Semporna dulu.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Lepas Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Bandar Kuching ya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Patutnya dua saja.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Satu Sabah, satu Sarawak.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini cukup penting bagi kita rakyat Malaysia khususnya daripada Sabah dan Sarawak kerana ini merupakan salah satu kerangka, *the pillars of formation of Malaysia* dengan izin kerana permuafakatan itu merupakan sehingga menterjemahkan Malaysia dibentuk.

Perkara ini perlu diterjemahkan menjadi kenyataan. Kerana itu perjanjian. Bayangkan perjanjian ini sudah ditandatangani di depan Bangsa-bangsa Bersatu, United Kingdom. Kuasa yang empayar menjajah negara Malaysia.

Tapi malangnya daripada 20 perkara ini, sudah terjejas sebahagian besar dan itu yang kita suarakan bila kita mengambil tampuk pemerintahan. Walaupun kita sedar dan tahu ketika itu Yang Berhormat Menteri, ada perbezaan. Contohnya, Sarawak dahulu menjadi pembangkang. Tapi kita di bawah pemerintahan PH dengan reda kena

mengiktiraf bukan oleh kerana politik fahamannya tetapi kerana ia merupakan sebahagian daripada kerangka Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Malangnya sekarang ini bila ada perbincangan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri-negeri. Masa Sabah saya waktu itu Ketua Menteri, tidak pun dibawa oleh kerana kita bukan sepakat dari segi politiknya. Bukan ini seharusnya menjadi pegangan kita. *We must look at its nation, build the nation. We are part and parcel of Malaysian.* [Tepuk] Akan tetapi malangnya oleh kerana kita merupakan identiti politik perbezaannya sehingga kita dipisahkan. Sudah 17 perkara dibentangkan masa PH untuk menunggu pelaksanaan termasuk Yang Berhormat katakan tentang gas, tentang wilayah.

Tapi malangnya Yang Berhormat nyatakan tadi, saya hendak tanya sikit ya, kerana dahulu yang membantah ialah wakil-wakil rakyat daripada UMNO dan PAS, yang bukannya merupakan entiti yang telah menandatangani perjanjian ini. Seharusnya menjadi ikatan kita ialah wilayah-wilayah Sabah dan Sarawak perlu didengar bukan hanya menerusi wakil rakyat dia. Ini kerana mereka bukannya entiti yang telah menandatangani Perjanjian MA63.

Saya berharap sungguh, khususnya, contohnya SESB yang telah pun kita persetujuan. Termasuklah contohnya tadi Yang Berhormat berjanji iaitu wilayah kedudukan. Sabah sebagai wilayah, Sarawak sebagai wilayah, bukannya negeri kerana itu terkandung dalam perjanjian 63. Bayangkan peruntukan sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Yang Berhormat minta rumuskan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** ...negeri Sabah yang begitu tinggi, yang begitu besar. Tapi malangnya disebangkan dengan negeri-negeri yang tidak memerlukan peruntukan yang besar. ECRL, kereta api, belanja RM40 bilion. Kita bagi RM5 bilion, okey. Alhamdulillah, suka hati. Takkan. Terima kasih. Jadi ada beberapa soalan yang saya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Pertama, adakah dasar pemerintahan yang ada pada hari ini oleh kerana ada perbezaan politik yang dahulu, kita tidak masuk dalam kerangka ini. Saya- terima kasih Yang Berhormat telah nyatakan harus ada pembabitan ahli-ahli politik bukan hanya daripada pihak

kerajaan, bahkan juga dari pembangkang dahulu. Saya dengan izin, *engage* dengan Yang Berhormat Tambunan dan Yang Berhormat Keningau bertanya kepada mereka, membawa dan menyatakan kepada saya ini pandangan mereka selaku wakil rakyat, suara yang ada.

Satu lagi mengenai dengan SESB tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik Yang Berhormat Semporna. Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Keduanya dan ketiganya mengenai dengan pindaan Perlembagaan ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, kita beri laluan kepada Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Satu Sabah, satu Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Jawab sekali.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Sarawak, Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sarawak. Boleh.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya ada tiga soalan. Soalan pertama, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa hasil laporan Jawatankuasa MA 63 tersebut tidak perlu didedahkan kerana ia satu *G to G negotiation*. Saya sangat tidak bersetuju kerana walaupun *G to G*, tetapi hak-hak ini melibatkan hak semua rakyat Sabah dan Sarawak. Kenapa mereka tidak harus ambil tahu? Kita tidak hendak ulangi kesilapan yang lalu di mana banyak perjanjian ditandatangani tanpa pengetahuan rakyat Sabah dan rakyat Sarawak. Ini tidak haruslah diulangi.

Kedua, tadi Artikel 11D adalah satu isu yang dibincangkan. Kenapa dalam bajet tahun ini, Artikel 11D, peruntukan telah dikurangkan daripada tahun lalu. PH kita naikkan dua kali ganda, tahun ini dikurangkan. Adakah ini pendirian kerajaan PN? Ketiga, tadi menyatakan tentang *Special Council* cuma akan bersidang *next week* kan. Kenapa dalam masa lapan bulan ini tidak ada apa-apa perjumpaan. Jangan gunakan COVID-19 sebagai satu alasan. Ada kementerian lain yang menjaga isu-isu keselamatan, isu COVID-19. Kenapa kementerian tidak melaksanakan apabila ini hal yang sangat mustahak. Ini hak Sabah, Sarawak, sudah lama kami tunggu. Kenapa kena perlengahkan lagi? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya faham apa yang ingin disentuh. Tapi saya sudah

katakan tadi dari segi mengeluarkan satu laporan daripada jawatankuasa, setakat ini tidak difikirkan perlu. Satu, ucapan saya tadi pun *almost two-third, what has been done by the committee since BN time, up to PH time. So we will take it*, daripada segi itu. Daripada segi perihal yang spesifik, *about the budget and so forth, you can* sentuhlah dalam peringkat Jawatankuasa *because you can* bahas *it*, pun boleh.

*So I think, but* saya hanya boleh beri jaminan bahawa Kerajaan PN has benefited okey, in the context of Sabah and Sarawak issues. They have learned a lot because I said issues and MA63 is since the 80's, 70's and 80's. I think they want to benefit from the situation about was happening in the past.

Dulu Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi, hendak bincang MA63, hendak bincang 20 points IGC semua ini, *it was a taboo*. Yang Berhormat Bintulu *I think he benefitted from... [Tidak jelas]... and happened Langkawi. You know, one of those and I say ISA, because* bincang MA63, bincang MA begitu semua. *So I think, things have changed and therefore they are learning from the past. Together, saudara* Yang Berhormat Semporna, *the kerajaan in Sarawak yang sebelah pembangkang Sarawak, I think the new Chief Minister is going to see that.*

*As I head the Minister here, well as I said, we either preserve Malaysia or the young people will begin to look at a different structure. We don't want that, we don't want that. But I think the House, the YB's of the House, from Sabah, Sarawak and from here, I hope you can do together for Malaysia, the real Malaysia . I think cukup lah...*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Yang Berhormat Menteri ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih. Ahli Yang Berhormat masa telah mencukupi dan sekiranya ada jawapan yang tidak kesempatan masa, boleh dibuat secara bertulis dan *upload* dalam portal.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ataupun minggu depan pun ada Jawatankuasalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih kepada mereka yang telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas). Yang Berhormat Alor Gajah. Dipersilakan. Masa 20 minit.



**12.09 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan dan terdapat seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh tugas dan fungsi Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama ataupun *Shared Prosperity Delivery Unit* (SEPADU) dengan izin, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP) serta Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) Jabatan Perdana Menteri.

**■1210**

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Port Dickson— tidak ada di sini. Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pekan— pun tidak ada di sini. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Langkawi— pun tiada di sini. Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Pandan— pun tidak ada di sini. Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Jerlun— ada di sini nampaknya.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Julau ada di sini. Yang Berhormat Menteri, Julau ada di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Julau ada di sini, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Yang Berhormat Julau saya tidak ada sebut tidak ada. Tidak ada saya sebut.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Kota Belud ada.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tunggu dulu.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Kalau hadkan mana ada di sini.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Saya sebut yang tidak ada.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Kalau hadkan mana di sini, jawab sahaja.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Yang Berhormat Rompin dan Yang Berhormat Segambut. *Insyaa-Allah*, saya akan menjawab satu persatu persoalan dan

isu yang telah dibangkitkan mengikut fungsi agensi-agensi yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya akan menjawab isu-isu perbahasan yang berkaitan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) di bawah fungsi Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU).

Yang Berhormat Langkawi telah bertanya mengenai perancangan kerajaan untuk mengurangkan jurang kekayaan ekonomi antara bandar dan luar bandar melalui dasar WKB 2030. Manakala Yang Berhormat Pekan juga menyentuh isu yang sama dan berharap kerajaan dapat menggubal satu visi yang boleh memberi inspirasi kepada rakyat untuk menghadapi cabaran ini dan mencorakkan masa hadapan negara bersama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, WKB 2030 ini diteruskan sebagai wawasan baharu dan menjadi dasar pembangunan serta dasar ekonomi negara bagi mencapai tiga objektif utama iaitu menstrukturkan ekonomi negara, menangani ketidaksamaan dan membina negara. WKB 2030 ini adalah wawasan yang inklusif yang akan membawa dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di mana pengagihan ekonomi adalah lebih adil dan saksama.

Oleh itu, dengan wawasan yang jelas, maka perancangan yang efisien dan tepat dapat dilaksanakan dan seterusnya masalah jurang pendapatan serta jarak ekonomi di antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan dan dikecilkan.

Antara aktiviti pertumbuhan ekonomi utama yang menjadi tumpuan adalah ekonomi digital, mengindustrikan pertanian, revolusi perindustrian keempat, hab halal dan makanan, pengangkutan, logistik, mobiliti lestari, pendidikan serta pertanian pintar dan juga menambah nilai dari barangan mentah tempatan iaitu *value creation*.

Aspirasi WKB 2030 ini adalah untuk menyediakan satu taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada tahun 2030. Ini telah diperhalusi dan diterjemahkan dalam penggubalan RMKe-12. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan WKB 2030 ini telah disusuli dengan rancangan pembangunan dalam rancangan jangka sederhana negara dan juga perancangan bajet tahunan pembangunan yang berkonsepkan kepada matlamat yang hendak dicapai.

Bagi mempromosikan WKB 2030 ini, kerajaan telah merancang pelan komunikasi untuk menjayakannya. Di antaranya, beberapa sesi libat urus juga telah diadakan yang bertujuan mempromosikan dan mendapatkan maklum balas mengenai WKB 2030 kepada kerajaan negeri dan pihak-pihak berkepentingan di negeri-negeri seperti usahawan-usahawan di luar bandar, badan-badan bukan kerajaan, koperasi dan agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri.

Walaupun kerajaan pada masa ini memberi lebih tumpuan kepada usaha-usaha untuk membendung pandemik COVID-19, namun inisiatif bantuan untuk golongan yang terkesan ini mengambil pendekatan yang sejajar objektifnya WKB 2030 iaitu golongan rentan ekonomi dan B40. Promosi WKB2030 ini akan diteruskan dan dipertingkatkan agar rakyat dan semua pihak dapat menjiwai dan memberi sokongan kepada iltizam kerajaan untuk WKB 2030 ini.

Sehubungan itu, Tuan Yang di-Pertua, SEPADU telah diberi mandat untuk melaksanakan program hebahan dan promosi ini dan memantau pencapaian inisiatif WKB 2030 dan juga memudah cara projek dan inisiatif *Quick Win* yang akan membantu meningkatkan keupayaan golongan sasar seperti B40 dalam menjalankan aktiviti ekonomi di sepanjang rantai bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjawab dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Papar yang menyentuh fungsi dan peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Pertamanya, Yang Berhormat Papar bertanyakan tentang jumlah peruntukan yang akan dikhaskan untuk menyediakan fasiliti mangsa banjir dan pusat kuarantin khas COVID-19 di Sabah dan apakah bentuk penambahbaikan yang akan dilaksanakan bagi mewujudkan kolaborasi KKM-NADMA dalam mengendalikan COVID-19 di setiap hospital KKM di Sabah yang menguruskan rawatan pesakit COVID-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasiliti mangsa banjir atau pusat pemindahan sementara (PPS) di Sabah diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan peruntukan Persekutuan tahun 2020 sebanyak RM750,000 yang merupakan keempat tertinggi di Malaysia.

Berhubung pusat kuarantin khas, NADMA telah menyalurkan peruntukan khas sebanyak RM52.2 juta untuk perbelanjaan kluster kawalan COVID-19. Jumlah ini termasuk RM100,000 untuk kempen pembudayaan norma baharu COVID-19 kepada Kerajaan Negeri Sabah secara berperingkat mulai 20 Mac 2020 hingga 23 Oktober 2020.

Peruntukan sebanyak RM150 juta yang diumumkan semasa Belanjawan 2021 untuk NADMA pula akan digunakan bagi keperluan-keperluan seperti berikut:

- (i) kos pengurusan dan pengoperasian stesen kuarantin yang terdiri daripada hotel dan institut latihan awam yang telah diwartakan;
- (ii) kos pengurusan dan pengoperasian di pintu masuk antarabangsa KLIA dan KLIA2;
- (iii) kos golongan *person under surveillance* (PUS) yang akan ditanggung oleh kerajaan untuk orang kurang upaya (OKU) dan kategori B40; dan

- (iv) kelengkapan *personal protective equipment* (PPE) untuk petugas barisan hadapan (*frontliners*).

NADMA sentiasa bersedia membantu KKM dalam pengoperasian pusat-pusat kuarantin di Sabah melalui Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah yang diselaraskan oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Antara kolaborasi NADMA, KKM, Kerajaan Negeri Sabah dan lain-lain agensi yang signifikan adalah menyediakan Penjara Kepayan sebagai pusat kuarantin dan rawatan tambahan dan Stadium Tertutup Likas serta Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu sebagai pusat kuarantin dan rawatan COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu yang kedua, Yang Berhormat Papar membangkitkan persoalan tentang persediaan jangka masa panjang yang dirangka oleh NADMA bagi mewujudkan *emergency system* yang cepat dan *reliable* untuk mangsa-mangsa bencana di seluruh Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam jangka panjang, bantuan kecemasan yang cepat dan *reliable* bergantung kepada pembinaan kapasiti agensi tindak balas. Kolaborasi strategik menghapuskan pertindanan tugas serta skop tindak balas, keupayaan dan pemodenan aset, *accessibility*, penyediaan depot pangkalan hadapan yang tersedia dengan bekalan keperluan dan lain-lain faktor memainkan peranan yang penting. Perkara ini memerlukan perancangan dan perkongsian sumber yang dipertingkatkan antara pihak Persekutuan, negeri-negeri, agensi tindak balas, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti.

Daya tahan dan tindak balas komuniti terhadap bencana juga dipertingkatkan melalui program *Community-based Disaster Risk Management* (CBDRM), dengan izin. Program ini sentiasa dijalankan untuk memastikan komuniti memahami risiko bencana di sekeliling dan bersedia untuk bertindak balas jika berlaku bencana. Ini sekali gus menjadikan penduduk setempat sebagai *first responder*, *first on the scene* apabila berlaku bencana.

Berdasarkan Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara, Pengurusan Bencana Tahap 2 atau di peringkat negeri menyatakan bahawa Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri antara lain bertanggungjawab untuk perkara-perkara berikut;

■1220

Pertama, melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dan mengendalikan sesuatu bencana di peringkat negeri.

Kedua, menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan bencana di peringkat negeri seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih peralatan ataupun jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan agensi kerajaan, badan

berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan sebagai operasi tindak balas bencana.

Justeru itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri sebenarnya mempunyai fungsi yang besar dan signifikan kepada bencana alam di negeri masing-masing di samping koordinasi dan bantuan yang akan terus disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan tahap sesuatu bencana.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjawab isu perbahasan yang menyentuh tugas dan tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan izin. Seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan pelbagai isu berkaitan prosedur operasi (SOP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) iaitu Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Bintulu juga dan Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kekeliruan tentang SOP yang dilaksanakan selain menggesa kerajaan supaya keputusan pelaksanaan PKPB dan SOP PKPB ditambah baik terutamanya bagi memberi keseimbangan aktiviti harian masyarakat dan memastikan ekonomi dapat bergerak dan seterusnya dapat memberi pendapatan kepada rakyat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, PKPB yang dilaksanakan adalah berdasarkan penilaian risiko atau *risk assessment* yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi setiap kawasan. Penilaian ini mengambil kira jumlah kes COVID-19 dan kadar keberjangkitan dalam lokaliti tersebut dari semasa ke semasa. Kerajaan akan mengkaji keperluan untuk mengenakan PKPB sehingga hujung tahun ini, sekiranya terdapat peningkatan kes. Pada masa yang sama, tindakan pembendungan perlu dilaksanakan bagi mencegah dan mengurangkan jumlah kes-kes COVID-19 kepada seminimum yang mungkin atau sehingga sifar kes melalui PKPB.

Pengisytiharan kawalan pergerakan ini adalah berdasarkan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Di bawah akta ini, SOP tertentu telah dikeluarkan untuk dipatuhi oleh masyarakat bagi mencegah dan memutuskan rantaian wabak COVID-19 ini. Peraturan dan SOP ini dikuatkuasakan secara berterusan sepanjang tempoh PKP oleh agensi-agensi yang telah diberi kuasa di bawah Akta 342. Meskipun demikian, kerajaan sentiasa mengambil maklum akan perit jerih rakyat dalam menempuhi kemerosotan ekonomi yang sedang dialami dalam tempoh penularan COVID-19. Atas sebab itu, SOP ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Dan ditambah baik serta bersifat dinamik mengikut keperluan rakyat dan ia bertujuan untuk memberikan keseimbangan kelangsungan hidup rakyat dengan membolehkan aktiviti sosial dan meningkatkan produktiviti ekonomi serta pada masa yang sama kita dapat terus melawan virus COVID-19 ini.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh mencadangkan agar MKN mengkaji semula arahan yang membenarkan hanya dua orang sahaja bergerak dalam satu kereta. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 13 November 2020 yang lalu, kerajaan telah memutuskan bilangan dalam kenderaan adalah seramai tiga orang bagi kenderaan persendirian seperti mana yang telah diumumkan oleh Menteri Kanan Keselamatan dan kita akan terus mengkaji kesesuaian penambahbaikan SOP itu sendiri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Yang Berhormat Penampang...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** ...Pula mencadangkan MKN memberikan kelonggaran kepada peniaga-peniaga di Sabah semasa tempoh PKPB untuk berniaga...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ini kuliah kah apa ini?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tak apa, tak apa.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** ...Memandangkan tidak semua menerima bantuan kerajaan. Sekejap, sebab hendak habiskan bab ini dan boleh lah saya izinkan bertanya ya.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Faham. Tak apa, tak apa. Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, teruskan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Dalam tempoh PKPB yang dilaksanakan, semua sektor ekonomi dibenarkan untuk beroperasi. Sehubungan itu, tiada isu berkenaan kelonggaran yang perlu diberikan. Sebagai contoh, semua premis

perniagaan makanan di negeri ini dibenarkan beroperasi untuk aktiviti *dine-in* atau makan dalam kawasan premis. Sepanjang PKPB dilaksanakan, kebenaran beroperasi dan kedai-kedai makan tertakluk kepada SOP bagi membudayakan norma-norma baharu dan mematuhi protokol kesihatan awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tekun mendengar jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya punya beberapa perkara yang saya perlu peringatkan Yang Berhormat Menteri bahawa pilihan hari ini bukanlah pilihan antara nyawa semata-mata nyawa dan kehidupan, tetapi sebenar-benarnya dalam kemajuan, apa yang dikatakan sebagai dengan izin, *in the era of precision public health*, dengan izin. Dalam kemajuan kesihatan awam, kita tidak lagi hanya bercakap tentang pilihan antara nyawa dan kehidupan tetapi memilih antara bentuk pendekatan PKP's itu.

Yang dimaksudkan adalah antara PKPB, *Conditional MCO* dan *the Targeted Enhanced MCO* atau dengan izin yang diperketatkan. Lalu ini yang menjadi pertikaian Yang Berhormat Menteri, kita tahu dan sedar, saya tidak perlu menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri akan akibat buruk dan parah, bukan sahaja ekonomi tetapi derita rakyat. Jadi jangan mudah-mudah mengambil sikap untuk PKPB kan negeri-negeri, saya sebutkan sedikit waktu lalu, Johor. Negeri seperti saya sebutkan beberapa negeri yang lain. Tidak seperti Selangor, ya saya memahami kedudukan Selangor. Itu satu perkara supaya jangan dimudah-mudah di PKPB kan.

Keduanya saya ingin tekankan akan peranan ini adalah peranan bersama, kesihatan adalah peranan bersama *Federal* dan *state*, ia terbit dalam *Concurrent List conjoint*, dengan izin dalam Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi sejauh mana peranan negeri dan khususnya satu *task force* di Selangor yang terkial-kial untuk mendapatkan *data sharing*. Yang Berhormat Menteri perlu tahu kami memulakan SELangkah sebulan sebelum MySejahtera di Federal, di MOH dengan izin, minta maaf saya bukan berniat untuk memperkecilkan ataupun hendak masuk bakul, angkat sendiri.

Jadi ringkasnya Yang Berhormat Menteri, perkara ini perlu kita lakukan bersama. Kolaborasi dan kerjasama kita ini perlu kita perketatkan. Kami dalam kedudukan Selangor hari ini yang terus menerus menyaksikan peningkatan kes, walaupun kami telah di PKP kan, kami akan menampilkan satu program bernama "*Prevention Outbreak on Ignition Site*". Kami minta Yang Berhormat Menteri untuk

memberikan kerjasama kepada negeri-negeri khususnya di mana kita ada *task force* seperti STFC di negeri Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri. Saya...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** ...MKN mengadakan sidang *almost everyday*, setiap hari ya

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi dia jawab dahulu.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Antara ahli-ahli yang dijemput adalah contohnya disebutkan dari negeri Selangor. Kami menjemput Menteri Besar Selangor untuk berkongsi data...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya tahu, saya tahu ya...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** ...Dan juga untuk mengadakan satu SOP yang ada keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan juga nyawa rakyat. Ini kita perhalusi setiap hari. Itu sebab kalau kita lihat hari ini ada yang mungkin kurang mengetahui, ia jelas. Akan tetapi kadang-kadang kalau kita lihat maklumat itu tidak sampai dengan jelas. Itu kita peka dan kita faham dan kita terus berusaha untuk membawa naratif kepada rakyat supaya kita jaga kita. Kita mahu membudayakan apa yang kita bawa, SOP menjadi norma baharu kehidupan.

Kalau sekiranya hari-hari kita menghadapi sekatan jalan raya dan itulah norma kita untuk memastikan kita tidak membawa virus itu, itulah yang patut kita ikuti dan kita selalu untuk menambah baik supaya tiada kekangan perjalanan yang lebih teruk dari apa yang telah kita lakukan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Boleh saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi penglibatan STFC dan Menteri Besar Selangor perlu diberikan izin juga, diberikan laluan. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.



**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Yes, yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta terus menjawab.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Jawapan menyeluruh kita sudah bagi. Nombor satu, kita selalu berbincang dengan semua *stakeholders*, kerajaan negeri walaupun pembangkang dan sebagainya untuk sama-sama kita menguruskan pandemik ini untuk kesejahteraan rakyat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Belum bagi lagi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya teruskan. Yang Berhormat Kuala Selangor mencadangkan agar kita menggunakan kaedah yang lebih saintifik, lebih *targeted*. Ini saya sudah sebutkan berkali-kali dan kita selalu memperbaiki SOP kita dari sudut sama ada kita melaksanakan PKPB ataupun sekali PKPD.

#### ■1230

Sambung sedikit mengenai apa itu – Saya hendak jawab Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai keselamatan siber. Yang Berhormat telah mencadangkan supaya kerajaan menggubal satu Akta Keselamatan Siber supaya memberi pembelaan kepada mangsa-mangsa jenayah siber.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersedia untuk meminda dan menyemak semula perundangan sedia ada berkaitan keselamatan dan jenayah siber yang tidak lagi selari dengan perkembangan dan kemajuan teknologi masa kini termasuk Akta Jenayah Komputer 1997.

Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024 baru-baru ini telah dilancarkan pada bulan Oktober yang lalu...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang hadir kah? Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** ...Dan telah menggariskan pelan tindakan yang holistik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** ...Bagi menangani ancaman dan jenayah siber yang kian meningkat.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Pelan tindakan yang digariskan termasuk memperkukuhkan rangka kerja perundangan keselamatan siber melalui pelaksanaan...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Yang Berhormat Tanjong Karang hadir kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Semakan semula ke atas peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan ancaman keselamatan dan jenayah siber...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Nanti masa habis Tuan Yang di-Pertua. Tidak jawab soalan MP yang hadir.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Dapat ditangani dengan lebih berkesan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Saya tahu. Tunggu saya habislah. Saya punya *statement* itu barulah celah. Ini tengah-tengah hendak celah. Ini macam mana kita hendak bercakap dan mendengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Saya minta penjelasan kerana tadi Yang Berhormat Menteri bila...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Okey. Saya sedia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tanjong Karang tidak ada, Yang Berhormat kata.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Ahli Parlimen tidak ada di dalam Parlimen, *skip* soalan bertulis.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Okey. Tidak nampak, tidak nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Yang Berhormat Tanjong Karang tidak ada.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Okey. Tidak nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh *skip*, boleh *skip*. Tidak apa. Baik, silakan teruskan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi sedikit masa tambahan. Baik.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Sikit, sikit, minta sikit. Ini yang mustahak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Segambut.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Ini yang mustahak ini. Saya hendak tambah ini, Bahagian Kabinet – mengenai Bahagian Kabinet Perlembagaan dan Perhubungan antara Kerajaan.

Saya ingin beralih kepada isu yang lain pula. Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Jerlun pun tidak ada di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tak ada. Baik.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tak apa. Saya hendak bagi setakat maklumat kepada semua Ahli Dewan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bangun]* Tadi ada Yang Berhormat. Yang Berhormat Jerlun tadi ada. Yang Berhormat baru keluar saja. Yang Berhormat ada tadi. Sepatutnya jawab perkara-perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat ada tadi.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Okey. Boleh-boleh saya boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Saya ucapkan terima kasih walaupun Yang Berhormat tidak ada di sini. Yang Berhormat cadangkan supaya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri Kanan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri memotong gaji antara sejumlah 10 peratus ke 30 peratus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya. Ini cadangannya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Kalau kita lihat Kerajaan Perikatan Nasional telah pun orang kata itu, tidak mengambil gaji selama dua bulan. Ini bersamaan lebih kurang sejumlah 25 peratus potongan keseluruhan setiap tahun. Jadi, saya rasa kita amat peka akan keadaan ekonomi negara dan kita telah melaksanakan tanggungjawab kita untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kanan.

Kerajaan juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana usaha-usaha bagi membanteras wabak COVID-19 bagi membantu meringankan beban rakyat dengan mencadangkan agar anggota pentadbiran yang disebutkan tadi memberi sumbangan yang telah pun dinyatakan sebelum ini.

Sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan Perikatan Nasional telah memutuskan anggota pentadbiran meliputi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyumbang

bukannya sebanyak 10 peratus yang saya sebutkan tadi, tetapi lebih daripada itu. Yang Berhormat Shah Alam menyatakan bahawa jumlah – Ada tidak Yang Berhormat Shah Alam? Tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak ada.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Akan tetapi, saya hendak sebut dan memperbetulkan fakta. Yang Berhormat tanya hari itu, Kabinet seramai 70 orang. Kalau kita faham, Kabinet bukannya seramai 70 orang. Saiz Kabinet *it's not bloated. It is 32 peoples not 70 peoples*. Itu pembetulan fakta supaya janganlah kita hendak menyatakan fakta yang palsu mereka Kabinet ini berjumlah seramai 70 orang. Yang Berhormat Timbalan Menteri bukannya Ahli Kabinet ya.

Untuk makluman semua, COVID-19 tidak bermakna beban tugas anggota pentadbiran berkurangan, kalau disebutkan saiz kementerian itu tadi – Sebaliknya, program dan projek urusan kerajaan masih terus berjalan melalui pelbagai kaedah dan pelaksanaan. Oleh itu, tiada keperluan untuk saiz Kabinet dikurangkan. Saiz Kabinet iaitu bilangan Yang Berhormat Menteri di bawah Kerajaan Perikatan Nasional hanya berbeza sedikit sahaja berbanding dengan pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Jerlun juga membangkitkan perkara mengenai peruntukan Jabatan Perdana Menteri yang dinaikkan daripada sejumlah RM7.9 bilion tahun 2020 kepada sebanyak RM11.7 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan peruntukan untuk JPM untuk tahun 2021 adalah berikutan daripada penyusunan semula kementerian, jabatan dan oleh kerajaan menjadikan sebanyak 65 buah agensi telah diletakkan di bawah tanggungjawab JPM berbanding sebanyak 56 buah jabatan sebelum ini.

Pertambahan sebanyak 11 buah agensi di bawah JPM ini telah menyebabkan peningkatan kos operasi dan lain-lain kos seperti pembayaran gaji dan emolumen, kos pelaksanaan program, latihan dan juga peruntukan pembangunan bagi melaksanakan program dan projek pembangunan yang telah ditetapkan berdasarkan RMKe-12.

Daripada segi peruntukan mengurus, peruntukan untuk tahun 2021 adalah sebanyak *RM4.5 billion* iaitu peningkatan sebanyak 12 peratus berbanding peruntukan tahun sebelum ini sebanyak *RM3.9 billion*. Bagi Peruntukan Pembangunan (DE) pula sebanyak RM7.2 bilion telah diperuntukkan untuk tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 8.8 peratus berbanding peruntukan tahun sebelum ini sebanyak RM6.6 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri minta rumuskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Rumuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya dan yang selebihnya boleh di apa itu...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Selebihnya ada lagi soalan-soalan daripada Yang Berhormat Pontian mengenai BTN, PLKN dan sebagainya saya telah jawab dalam sesi persidangan yang lepas.

Sebagai rumusannya, kita dalam peringkat kajian dan membuat *cross-ministry engagement* sama ada satu agensi perlu diwujudkan untuk menggantikan dengan dasar yang baharu dengan hala tuju yang baharu untuk membangkitkan balik patriotisme nasional kita dan kita mahu lari daripada kaedah-kaedah negatif yang tidak menguntungkan daripada sudut penyatuan bangsa dan masyarakat Malaysia.

Sebagai...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Segambut. Isu Segambut, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan isu SOP tetapi belum dijawab.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Silakan. Apakah soalnya?

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Dalam perbahasan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Ya.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Saya bangkitkan SOP yang mengelirukan...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Ia ada dua ke tiga lagi ini. Ya, dua ke tiga lagi ini kerana kita...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Okey. Saya tunggu ya. Saya tunggu. Nanti jangan kata bagi jawapan bertulis ya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Kalau dibenarkan...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Ini kerana saya ada soalan hendak tanya untuk penjelasan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tadi saya sudah bangkitkan perubahan SOP. Ya. Kita setiap hari memantau akan kepatuhan dan impak SOP itu sendiri. Sekiranya kita perlu tambah-baik, kita akan tambah-baik. Bukan bermakna kita mengubah SOP mengikut nafsu kita. Tidak.

Kita mengikut apa impaknya dan apa maklum balasnya. Kita dalam proses untuk membudayakan cara ini kepada rakyat. Kita jaga kita. Kita hendak memutuskan rantaian itu. Jadi, ia memakan masa dan kita terpaksa mengubah. Contohnya, hari ini kalau kita lihat *tourism industry*. Orang sebutkan ia sudah mati. *It is dead*, dengan izin. *No arrival*. Jadi, kita cuba hendak mempromosikan *local tourism*.

Ada kaedah-kaedah SOP yang mungkin menyukarkan tetapi akan mengambil masa untuk masyarakat memahami sebab apa SOP itu perlu dijalankan. Jadi, kita akan tambah baik apabila masyarakat memahami apa sebab kita membuat SOP yang begitu

ketat. Hari ini kalau kita lihat peningkatan penularan wabak COVID-19 ini ada kaitan dengan hubungan manusia antara satu sama lain.

Ada kaitan dengan orang yang tidak menjarakkan diri mereka daripada segi perhimpunan dan sebagainya. Ini penting dan itu sebab kita mengubah sedikit sebanyak SOP. Bukan setakat mengubah tetapi menambah-baik. Bukan mengelirukan. Tugas kami untuk memastikan kurang pengeliruan. Beri lebih kefahaman kepada masyarakat. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya sekarang? Soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Saya telah bangkitkan dalam perbahasan tetapi belum dijawab. Isu yang saya bangkitkan Yang Berhormat Menteri adalah, tadi Yang Berhormat Menteri jawab Mesyuarat MKN dihadiri semua Yang Berhormat Menteri dan *stakeholders* setiap hari. Baik. Betul? Setiap Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Kurang tepat. Kita ada Majlis Tetap di peringkat Jawatankuasa Mesyuarat MKN dan juga kita ada sidang khas melibatkan Yang Berhormat Menteri-menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau kita lihat jadualnya, kedatangan ataupun dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebanyak tiga kali seminggu sekurang-kurangnya sebanyak dua kali seminggu. Lainnya, tiap-tiap hari dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan (Keselamatan). Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Baiklah. Jadi, soalan saya adalah kalau Yang Berhormat Menteri ada menghadiri mesyuarat dan memberikan *feedback* setiap minggu ataupun ada Mesyuarat Kabinet setiap minggu, bagaimanakah SOP boleh dikeluarkan di zon hijau seperti di Pahang? Yang mana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Yang Berhormat Menteri Datuk Seri Rina binti Mohd Harun membenarkan taska dibuka untuk kanak-kanak berumur kosong hingga empat tahun. Itu taska.

Akan tetapi, tadika pula, di bawah Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Dr. Radzi bin Jidin, umur antara lima hingga enam tahun diarahkan tutup. Jadi, perbezaan dua tahun ini, satu diarahkan buka dan satu diarahkan tutup dan pusat tuisyen juga (*enrichment center*) semua diarahkan tutup di zon hijau.

#### ■1240

Taska, tadika *operators*, bila mereka telefon hendak tanya, tiada jawapan. Arahan ini mengelirukan kerana mereka ada gaji yang perlu dibayar kepada cikgu-cikgu dan ibu bapa boleh bekerja tetapi tidak ada tempat untuk hantar anak. Jadi, isu konflik seperti ini di mana kosong hingga empat tahun boleh dihantar, lima hingga enam tahun

tidak boleh dihantar kerana Menteri yang berbeza. Itu persoalan saya dalam perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Segambut.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hendak bantu sedikit, saya hendak tambah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Jawab dahulu.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Saya terima maklum balas itu tetapi kurang tepat. Sebenarnya, apabila kita sebutkan daripada segi Menteri Wanita tadi, dia ada tanggungjawab dia yang memberi maklum balas kepada MKN. Jadi, kalau kita lihat apa sebab, contoh tadi kosong hingga empat tahun anak-anak dibuka, itu melibatkan kelestarian ibu bapa untuk bekerja di tempat-tempat yang hijau. Jadi, kita bagi dia buka. Jadi, di tempat-tempat yang lain, kita teliti sama ada ia melibatkan meringankan tanggungjawab ibu bapa. Kalau tidak ada kawal selia ibu bapa, kita ikut kaedah daripada Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah ditutup dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak dijawab. Isunya masih berkekalan di luar sana. Tadika tidak boleh beroperasi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hendak bantu sedikit. Saya hendak nyatakan di sini bahawa...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Ya, saya ambil maklum. Kita akan bincang, petang ini ada Mesyuarat Jawatankuasa MKN, *insya-Allah* kita lihat apa yang dibangkitkan, kita persembahkan apa yang dibangkitkan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya hendak sentuh satu perkara.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Segambut, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut bahawa sejak hari ini tadika di Johor dan Melaka dibenarkan untuk beroperasi kerana mereka sekarang sudah jadi zon hijau kecuali untuk zon merah. Tadika sekarang di Johor dan Melaka dibenarkan untuk beroperasi, juga di bawah KPM. Akan tetapi sebaliknya Pahang, walaupun mereka zon hijau, walaupun mereka tidak diletakkan di bawah PKP Bersyarat tetapi tadika mereka diarah tutup. Jadi saya hendak tanya, kenapa walaupun di bawah KPM tetapi tadika di Johor, Melaka dan Pahang ada arahan yang berbeza? Saya rasa ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri ataupun antara Menteri sebenarnya banyak kekeliruan yang sendiri tidak boleh jawab sampailah...

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Ia bukan keliru.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...pengusaha tadika di seluruh negara menjadi begitu keliru.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Saya sebutkan tadi bukan keliru. Penyampaian maklumat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kulai sinilah, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Kita punya SOP jelas, SOP kita jelas. Penyampaian maklumat mungkin lambat dan mungkin kita kena semak supaya ia dapat diseragamkan dari segi SOP yang telah disyaratkan oleh MKN.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bercelaru ini Menteri, bercelaru.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Saya sebutkan sekali lagi, kita akan bawa kepada sidang MKN ataupun Mesyuarat MKN peringkat jawatankuasa dan kita tahu yang tertulis itu memang dah pun tersirat dan tersurat SOP. Jadi, kita kena semak sama ada apa yang dipertikaikan itu adalah perkara yang sebenar berlaku. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baik, sila rumuskan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Rumuskan, saya mengucapkan terima kasih. Walaupun tidak dapat menyentuh semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harapkan kita dapat sama-sama memahami apa yang kita lakukan hari ini adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Kita kurangkan berpolitik, kita pastikan kerajaan boleh melestarikan apa yang kita lakukan untuk kesejahteraan. Saya ucapkan terima kasih kepada semua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, saya ingin menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) untuk memberi jawapan, 20 minit.

**12.43 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada 17 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan yang menyentuh kerja saya dalam kerajaan selaku Menteri



bertanggungjawab, antara lainnya kepada Unit Perancangan Ekonomi. Isu-isu dibangkitkan yang akan saya jawab, lima semuanya iaitu:

- (i) berkaitan kedudukan ekonomi negara;
- (ii) peruntukan perbelanjaan bagi projek pembangunan dan kerjasama swasta (*public-private partnership*);
- (iii) mengenai hal-hal pembangunan wilayah;
- (iv) isu kemiskinan; dan
- (v) isu FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, pertama kedudukan ekonomi negara. Kebanyakan isu akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Semua sedia maklum, 26 November, Yang Berhormat Menteri Kewangan diberikan masa sekurang-kurangnya satu jam untuk menjawab semua persoalan berkaitan dengan kewangan. Saya hendak menjawab dua perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang menyentuh tugas saya. Pertama ialah berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Pekan supaya disediakan Pelan Pemulihan Ekonomi Strategik bagi menggambarkan hala tuju yang jelas bidang yang akan diberikan keutamaan. Jadi, kita sedia maklum bahawa pandemik COVID-19 ini telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan telah membawa banyak perubahan yang radikal kepada landskap ekonomi negara. Peningkatan kadar pengangguran di kalangan belia, industri pelancongan terjejas dengan teruk, peningkatan kebergantungan kepada perkhidmatan dalam talian, termasuklah untuk perkhidmatan kerajaan. Ini antara perubahan-perubahan radikal yang berlaku dalam negara kita.

Oleh itu, beberapa isu yang kita hadapi ini, jangka sederhana dan panjang akan kita tangani apabila dibentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 dalam Dewan yang mulia ini awal tahun hadapan. Antara perkara yang akan kita menjawab Yang Berhormat Pekan yang bertanya tentang pelan strategik, antara isu yang akan diberi tumpuan ialah:

- (i) Revolusi Industri ke-4, ekonomi digital, perusahaan kecil sederhana;
- (ii) pembangunan inklusif kemiskinan; dan
- (iii) ekonomi hijau.

Ini antara perkara-perkara strategik yang diberi perhatian berdasarkan masalah yang kita hadapi hari ini.

Yang Berhormat Pekan juga membangkitkan tentang perkara *connectivity*, khususnya projek-projek besar. Disebut tentang *high speed rail*, MRT, MAS, *double tracking*, *central spine road*, *Pan Borneo Highway*, RTS dan LRT3. Benar, projek-projek ini akan membantu untuk menghubungkan kawasan-kawasan dalam Malaysia. *Connectivity* ini penting dan dengan adanya *connectivity* tersebut, maka ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi. *Insyaa-Allah* akan memulihkan ekonomi negara kita

dengan kita laksanakan projek-projek besar tersebut, meningkatkan pendapatan rakyat, memberi peluang kepada rakyat untuk bekerja, memberi kesan berganda (*multiply effect*) yang besar kepada negara. Seterusnya juga akan merangsang pertumbuhan sektor lain, termasuklah hartanah dan juga pelancongan. Jadi Tuan Yang di-Pertua,...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pencelahan.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Seterusnya,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada celahan, Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, terima kasih. Apabila bercakap soal cadangan kerajaan hendak melaksanakan projek yang disebutkan tadi, projek besar-besaran belaka itu. Ia melibatkan kewangan. Saya ingin bertanya, di mana dan bagaimana kerajaan hendak mencari sumber kewangan yang begitu banyak bagi membiayai projek-projek tersebut? Oleh kerana kita diberitahu bahawa kerajaan kekurangan duit.

Keduanya, kalaulah dibuat secara PFI, saya juga diberitahu pihak kerajaan tidak begitu berminat dengan PFI kerana PFI ini juga akan membawa beban hutang kepada kerajaan yang bukan sedikit. Jadi, kalau PFI pun tidak boleh, sumber kewangan kita pun tidak ada, apa kita hendak buat hendak membiayai bilion-bilion projek yang begitu besar itu? Saya setuju, projek-projek ini merupakan pemangkin kepada pembangunan ekonomi, ada *multiply effect* atau kesan kebergandaan yang begitu penting. Akan tetapi soalnya, kita tidak mahulah kenyataan (*statement*) retorik sahaja tetapi pelaksanaannya tidak dapat dilakukan. Boleh Yang Berhormat memberikan penjelasan bagaimana ia akan dilaksanakan, kewangan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Salak. Saranan dikemukakan oleh Yang Berhormat Pekan, saya menjawab saranan Yang Berhormat Pekan. Antara yang disebut ialah *central spine road* umpamanya, daripada Bentong sampai ke Kota Bharu, Kelantan. Untuk makluman, projek ini *insya-Allah* akan kita sempurnakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 sampai 2025. Jadi, ini adalah memang lama dah diidamkan oleh orang Kelantan dan Pahang. Gemas *double tracking* RM10 bilion umpamanya, dalam pelaksanaan, akan siap 2023. Ini adalah antara projek-projek yang disebut. *Pan Borneo Highway* dalam pelaksanaan. *Insya-Allah* sebahagian besar akan disiapkan menjelang 2025. 2024 di Sabah, *insya-Allah* 2022 di Sarawak.

Jadi, persoalan pertama Yang Berhormat ialah dari mana wang? Pertama, sudah pasti daripada pinjaman. Kita sedia maklum kerana pinjaman ini akan menjana

pulangan dan membolehkan kerajaan membayar. Ini projek-projek yang penting untuk membuka negara kita bagi pembangunan ekonomi. Jadi, itu jawapan bagi soalan pertama. Dari mana? Jadi, sebahagian besarnya daripada pinjaman.

■1250

Kedua berkaitan PFI, untuk makluman Yang Berhormat Pasir Salak, kerajaan hari ini sedang mengkaji semula projek-projek PFI. Sebelum ini banyak projek sudah pun disiapkan, ada yang dalam pembinaan. Ini adalah satu kaedah yang digunakan oleh kerajaan, dah lama dah, lebih 10 tahun untuk membiayai projek-projek melalui usaha sama swasta dengan pihak kerajaan, termasuklah pembinaan jalan ada, bangunan ada, UITM ada, hospital ada. Jadi PFI ini, akan kita kaji semula keadaannya. Itulah dua jawapan ringkas daripada soalan Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya perkara yang kedua yang saya hendak jawab ialah Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Berhormat Subang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Berhormat Subang mencadangkan supaya kita kurangkan belanja pembangunan. Kita selamatkan wang itu dan gunakan peruntukan kepada tabung COVID-19. Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Berhormat Subang. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, RM69 bilion diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia di bawah peruntukan pembangunan tahun 2021.

Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Port Dickson dan Subang. Pembangunan ini ada empat komponen. Pertama ialah projek-projek yang berdasarkan kepada strategi kerajaan untuk membangunkan negara seperti Dasar Ekonomi Baru, Warisan Kemakmuran Bersama, bina jalan, klinik hospital. Dalam Dewan ini pun pagi tadi ada permohonan daripada Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Tambun untuk membuat projek. Jadi, ada banyak permohonan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk membuat projek. Jadi, ini adalah satu perkara yang penting untuk kita terus membangunkan negara kita.

Keduanya ialah, kita dahulunya sebahagian belanja ini diperuntukkan di bawah mengurus kerajaan, atas pertimbangan tertentu, kita buat keputusan untuk memasukkannya di bawah pembangunan. Ketiganya ialah projek di bawah kerjasama awam-swasta seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pasar Salak tadi. Keempat ialah projek-projek untuk memulihkan beberapa institusi FELDA, Tabung Haji dan 1MDB. Ini juga dimasukkan ke dalam peruntukan kerajaan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja, fasal Tabung Haji.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** *No problem.* Bagi saya habiskan ayat saya ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, habiskan dahulu.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Jadi, sebahagian besar projek-projek ini Tuan Yang di-Pertua ialah untuk sambung projek-projek yang dimulakan dalam Rancangan Malaysia ke-11. Kini, Rancangan Malaysia ke-12. Sekolah dah dibina, klinik dah dibina, infrastruktur lain dibina, jadi adalah tidak wajar. Saya yakin Yang Berhormat tidak mahu projek-projek ini dihentikan.

Jadi, implikasi kalau ikut cadangan Yang Berhormat Port Dickson dan juga Yang Berhormat Subang. Mungkin implikasinya, kita terpaksa memberhentikan projek-projek yang sudah pun bermula. Kita sedia maklum negara kita mempunyai seramai 100,000 lebih kontraktor. Kontraktor G1 sahaja seramai 50,000 lebih. Jadi kalau kita berhenti, kontraktor-kontraktor tidak akan ada kerja, negara tidak akan membangun. Itulah risiko, jika kita timbangkan cadangan daripada Yang Berhormat Port Dickson dan juga Yang Berhormat Subang.

Apa pun perkara ini dinamik, masalah COVID-19 dinamik. Jika ada keperluan yang besar, sudah pasti. COVID-19 ini berubah setiap hari. Jika ada yang mendesak, sudah pasti kerajaan akan buat pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan tentang pemindahan yang lazimnya di bawah pengurusan kepada pembangunan atas sebab-sebab tertentu. Apa sebabnya, yang biasa yang mengikut peraturan mesti di bawah pengurusan, dipindahkan itu hanya untuk menunjukkan atau memanipulasi fakta supaya menunjukkan defisit itu dapat bertahan. Tidak ada sebab. Apa dia sebab-sebab tertentu pindah peruntukan pengurusan seperti biasa kepada pembangunan?

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson, dua jawapan ringkas. Masa tidak ada. Selepas ini, siapa tanya tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Baling tadi.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Baling ya. Selepas Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Baling. Pertamanya amalan ini dimulakan pada tahun 2019, saya tidak mahu salahkan sesiapa. Keduanya, difikirkan bahawa ada setengah-setengah perbelanjaan itu mungkin *fifty fifty*. Ada unsur elemen-elemen pengurusan, ada elemen-elemen pembangunan. Umpamanya menyelenggarakan jalan raya. Dulunya diletakkan di bawah pengurusan, penyelenggaraan jalan raya. Akan tetapi ada yang berpendapat menyelenggarakan jalan raya tu penting, macam buat jalan raya baharu. Maka pendapat itu menyatakan bahawa menyelenggarakan jalan raya, harus dijadikan sebagai pembangunan. Itu jawapan ringkas untuk Yang Berhormat Port Dickson, saya tidak ada masa panjang. Akan tetapi saya tidak mahu salahkan sesiapa tetapi amalan ini bermula pada tahun 2019. Sila Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya berkaitan -soalan saya ataupun semasa saya bahas, saya ada sentuh berkaitan dengan penjualan tanah di Sarawak ini lebih 76 peratus ladang-ladang milik Tabung Haji Plantation yang akan dijual kepada Syarikat TAMACO. Sudah dua sesi ini saya bawa.

Isu dia sekarang. Apakah tindakan? Sudahkah perancangan penjualan itu dibatalkan ataupun sudahkan ia di-*revalue* balik dengan harga terbaru? Apatah lagi hari ini, kita punya kelapa sawit, satu tan pun berharga RM3,300, dah naik dah harga mendadak. Tambahan pula Pan Borneo Highway dah sampai ke tanah tersebut dan pusat bandar raya Jakarta, ibu kota Indonesia akan dipindahkan ke Kalimantan.

Ini bermakna lokasinya dekat, hanya tiga puluh lima minit daripada tanah kita kalau kita buat jambatan. Ini semua akan menguntungkan Tabung Haji. Jadi saya pohon soalan saya hari itu, minta Yang Berhormat Menteri Ekonomi campur tangan dalam hal ini to *revalue* dan fikir balik supaya ia tidak dapat diteruskan penjualannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Baling lebih arif daripada kami semua, lebih arif daripada saya tentang hal ini. Ringkasnya perkara ini sudah lama berlarutan. Kita masih lagi berbincang dengan pengurusan Tabung Haji dan juga THP berhubung isu TAMACO ini. Kita bercadang untuk mengenakan beberapa syarat termasuklah syarat supaya ada penyertaan tiga puluh peratus bumiputera dalam syarikat yang berhasrat untuk membeli ladang kelapa

sawit yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Baling. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya teruskan dengan jawapan kepada Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Jerlun dan juga Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Pasir Gudang bertanya tentang projek khas dalam muka surat 105. Dalam buku ini di muka surat 105, satu butiran menyatakan bahawa RM1 bilion diperuntukkan tahun hadapan untuk projek khas.

Sebagai makluman, ini adalah satu perkara yang kerajaan mendapati penting kerana kadang-kadang ada hal-hal yang timbul dengan tiba-tiba. Jika banjir itu memang satu masalah yang melanda kita. Umpamanya kadang-kadang kita dapati bahawa ada sekolah dibina yang diluluskan dengan peruntukan. Akan tetapi jalan tidak ada, umpamanya dan berlaku Yang Berhormat Port Dickson dan lain-lain. Oleh hal demikian, dengan adanya peruntukan ini membolehkan kerajaan sedikit fleksibiliti.

Projek disiapkan, tetapi ada *the last miles, connectivity* yang oleh sebab-sebab yang sukar untuk kita fahami. Kadang-kadang tidak disediakan peruntukan secukupnya. Itulah antara-antara perkara yang akan digunakan di bawah tajuk ini. Apa pun, peraturan-peraturan biasa akan dikenakan, mana ada *due diligence*, ada kajian projek yang - bukan maknanya akan datang daripada langit akan dilaksanakan. Pertimbangan teliti akan diambil, akan dibuat sebelum projek-projek ini dilaksanakan. Seterusnya Yang Berhormat Kubang Pasu bertanya tentang Projek PPP yang ada di dalam muka surat 107, di dalam Buku Belanjawan, Anggaran Perbelanjaan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kubang Pasu, tidak ada baharu. Tahun ini belum ada, tahun hadapan pun belum ada baharu lagi. Kita ada beberapa projek, 86 buah projek yang sudah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri untuk laksanakan di bawah *Public Private Partnership* (PPP) yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Akan tetapi kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan. Ini kerana, kita hendak lihat pada implikasi kewangan. Pada dasarnya kerajaan boleh menguruskan projek-projek ini sekiranya tidak melibatkan sebarang peruntukan kerajaan. Apa yang dipanggil *user pay*, maknanya pengguna akan membayar perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Apa pun, kerajaan akan menilai semula dasar ini. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kubang Pasu, kita belum ada projek baharu. Yang ada di dalam buku ini, sejumlah RM803 juta adalah untuk membayar beberapa perkhidmatan bagi beberapa bangunan di Putrajaya termasuklah Parcel F di Putrajaya. Jadi itu penjelasan kepada Yang Berhormat Kubang Pasu.

Seterusnya, Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Julau membangkitkan tentang wilayah. Ini merupakan satu perkara yang penting. Saya ingin

berkongsi dengan Ahli Yang Berhormat khususnya daripada Sabah dan Sarawak. Buat pertama kalinya dalam sejarah, kita akan ada bab khusus dalam Rancangan Malaysia ke-12 mengenai hal-hal Sabah dan Sarawak. Kalau dahulunya mungkin negeri Sabah dan Sarawak bersama dengan negeri lain dalam Rancangan Malaysia ke-12, pada kali ini kita ada bab khusus mengenai negeri Sabah dan Sarawak.

Tadi Yang Berhormat Menteri Sabah dan Sarawak sudah jelaskan di bawah MA63 dan beberapa keputusan lain yang dibuat oleh kerajaan, kita berhasrat untuk meningkatkan iltizam kita bagi memastikan jurang antara Sabah dan Sarawak dengan beberapa kawasan di negara kita, akan dapat kita kurangkan.

#### ■1300

Pada masa ini, sebagai contoh, jurang antara Sabah dengan Lembah Klang, Kuala Lumpur umpamanya, adalah 2.6 kali ganda. Bermaknanya pendapatan di Lembah Klang ini adalah 2.6 kali ganda lebih tinggi daripada pendapatan di Sabah. Sarawak ialah 1.3 kali ganda lebih tinggi pendapatan di Lembah Klang berbanding dengan Sarawak.

Oleh hal demikian, kerajaan berhasrat untuk menangani perkara ini. Sudah pasti kemiskinan adalah hal yang penting. Sudah pasti hal berkaitan dengan struktur asas juga perkara penting dan kita akan cuba tangani sebaik mungkin dalam perkara ini. Esok saya ada pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Sabah dan Sarawak untuk mencerakinkan perkara ini dengan lebih terperinci.

Yang Berhormat Kota Kinabalu ada bertanya tentang RM100 juta untuk SEDIA. Untuk makluman, peruntukan RM100 juta yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu ini adalah untuk semua *regional corridors*. Kita ada kawasan-kawasan pertumbuhan di seluruh negara. Ada Sabah satu, Sarawak satu, IRDA, ada utara dan ada timur. RM100 juta ini adalah untuk kesemua koridor dan peruntukan disediakan oleh Kementerian Kewangan ini ialah untuk membantu pihak berkuasa ini menjana peluang pekerjaan.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat Rompin dan Yang Berhormat Klang. Yang Berhormat Klang ada dan Yang Berhormat Rompin— jadi isunya ialah berkaitan kemiskinan. Yang Berhormat Rompin bertanya tentang macam mana hendak pastikan kadar kemiskinan boleh kita kurangkan. Yang Berhormat Klang tanya sama ada kita hendak kaji paras kemiskinan ini oleh sebab ramai rakyat terjejas dengan COVID-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Dunia telah membuat anggaran bahawa COVID-19 ini telah menyebabkan kira-kira 88 hingga 115 juta di seluruh dunia akan terjejas, menjadi miskin tegar akibat daripada masalah ini. Negara kita, pihak UNICEF telah menyediakan kajian yang antara penemuannya ialah didapati bahawa

mereka yang tinggal di rumah PPR— dibuat kajian melibatkan 800 ketua isi rumah di Kuala Lumpur ini dan didapati bahawa mereka adalah *vulnerable*. Maknanya, mereka boleh menjadi miskin. Sebahagian mereka sudah pun jatuh miskin, sebahagian mereka tidak ada kerja. Jadi, kerajaan sedar perkara ini dan tindakan sedang diambil oleh kerajaan termasuklah oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang terjejas teruk akibat daripada COVID-19.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, di sini. Saya dengar dengan tekun perbincangan dan ucapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan projek-projek besar di sana dan di sini. Persoalan saya adalah bolehkah kita hentikan projek-projek itu? Gunakan dana yang ada dan salurkan kepada golongan yang memerlukannya. Saya beri simpulan. Umpamanya pekerja-pekerja Malindo, pengusaha-pengusaha bas. Projek-projek mega besar ini kita hentikan sementara. Wang yang ada itu kita salurkan kepada golongan-golongan ini supaya mereka kita dapat selamatkan. Banyak lagi yang sudah menjadi miskin tegar seperti pemandu-pemandu bas, pekerja-pekerja juruterbang dan sebagainya.

So, ini adalah perkara yang— saya tidak diberi peluang untuk bahaskan tetapi bolehkah kita hentikan? Sebagai seorang menteri yang berkuasa, kita hentikan projek-projek besar ini, gunakan wang yang ada untuk cuba kita bantu golongan sasaran yang terkesan akibat COVID-19. Ini adalah perkara yang saya minta penjelasan. Kalau boleh kita *put on hold mega projects. Help those who needs money first.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Baik.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri peluang kepada Yang Berhormat Wangsa Maju sekali. Selepas Yang Berhormat Wangsa Maju, saya gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Sila, Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Ya, saya telah membangkitkan masalah SOP yang sedia ada iaitu semua aktiviti ekonomi ditamatkan pada pukul 10 malam. Akibatnya, semua ekonomi malam ataupun *the night economy* telah dimusnahkan dan kehidupan beribu-ribu pekerja dan peniaga seperti mereka yang kerja di pasar larut malam, pub, restoran dan sebagainya, kehidupan mereka telah terjejas. Ramai yang telah kehilangan pekerjaan mereka. Apakah rasionalnya yang tidak membenarkan aktiviti ekonomi diteruskan selepas waktu pukul 10 malam? Adakah wabak COVID-19 menjadi aktif hanya lepas pukul 10 malam?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, betul, betul.



**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Adakah MKN mempertimbangkan SOP ini? Ini sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, satu lagi perkara yang saya hendak bawa pada perhatian Yang Berhormat Menteri adalah kejadian membunuh diri sudah meningkat. Baru-baru ini ada satu video yang tular, dua orang pekerja di Genting terjun. Banyak yang membunuh diri. So, hentikan projek-projek ini dan beri perhatianlah kepada orang-orang yang lebih memerlukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri respons dan menjawab dan menggulung.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Soalan Yang Berhormat Wangsa Maju mungkin lebih sesuai dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas yang baru menjawab tentang SOP. Jadi, kita cukup faham, ramai yang terkesan oleh keadaan pandemik ini. Pekerja-pekerja pasar malam banyak— dan khususnya semasa PKPB ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada Majlis Tindakan Ekonomi bincang perkara ini mendalam. Minggu lepas kita bincang. Hari Sabtu diadakan perbincangan khusus. *Insyah-Allah*, hari Rabu kita akan meneliti perkara ini untuk melihat bagaimana boleh kita tangani masalah yang melanda kita di mana dengan PKPB baru-baru ini, kita dapati ekonomi mengucup dengan teruk dan ada pihak yang dahulu tidak terkesan, ekonomi sudah mula naik, tetapi dengan PKPB baru-baru ini seluruh negara terjejas termasuklah disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Jelutong tadi. Yang Berhormat Jelutong sedia maklum kalau— semuanya berkait, Yang Berhormat Jelutong. Maknanya, kalau kita berhenti seperti mana yang Yang Berhormat Jelutong sebutkan tadi, ada terkesan. Mereka pula akan tidak ada kerja. Kontraktor tidak ada kerja, yang menjual bahan binaan tidak ada kerja, *engineer* dan *lawyer* seperti Yang Berhormat Jelutong tidak ada kerja kalau dihentikan projek-projek tersebut. Apa pun, kerajaan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Jelutong ini, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Apa pun, kerajaan amat prihatin. Kerajaan amat prihatin mendengar rintihan rakyat...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Yang Berhormat Jelutong ini dia tidak ada belajar ekonomi. Dia *lawyer*. Dia tidak faham.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Pasar Salak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasar Salak.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Saya tidak mahu panjang cerita. Semua berkait rapat. Kerajaan prihatin dengan masalah rakyat dan kita sedang tangani melalui banyak usaha termasuklah Majlis Tindakan Ekonomi, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan, *insya*-Allah, kita dari semasa ke semasa akan memastikan bahawa rakyat akan terus dibela.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, Klang depan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Jadi, yang lain-lain, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada satu soalan. Saya yang tanya soalan semasa perbahasan.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** ...Saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ini berkait dengan *Poverty Line Index*. Soalan saya, Yang Berhormat Menteri, ialah adakah kerajaan akan mengulang kaji PLI memandangkan COVID-19 dan juga kehilangan pekerjaan dan juga pendapatan keluarga? PLI untuk tahun 2019 adalah lebih kurang RM2,028. Memandangkan masalah COVID-19, adakah kita akan mengulang kaji PLI ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali— hendak berhenti dah. Jadi, yang pertama, kerajaan sedar bahawa kadar kita RM2,028. Daripada itu, ada M40 dibantu. Ada yang M40 dia jatuh B40 dan mereka dibantu. Sudah pasti bantuan tidak mencukupi. Kita berharap RM2,028 ini sementara. Itu berdasarkan tahun lepas sebelum pandemik ini. Kerajaan telah melaksanakan beberapa perkara tindakan untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang jatuh miskin yang dahulunya M40 sekarang ini jadi B40.

Terima kasih Yang Berhormat Klang, terima kasih semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Parlimen dan Undang-undang.

**1.08 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan JPM semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 peringkat dasar ini khususnya yang menyentuh mengenai portfolio saya Parlimen dan Undang-undang dan agensi-agensi yang di bawah seliaan saya iaitu SPRM, SPR dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sesungguhnya, JPM menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Bagi memudahkan jawapan dan penggulungan, saya akan menjawab berdasarkan isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Isu pertama, isu perundangan dan kehakiman. Yang Berhormat Langkawi yang saya amat hormati menyarankan supaya perbicaraan di mahkamah diteruskan semasa pandemik COVID-19 dengan mengurangkan pemerhati dan media serta amalkan jarak fizikal.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang drastik kepada urusan harian, tatacara operasi standard dan juga perjalanan tugas di mahkamah.

■ **1310**

Sehubungan dengan itu Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan akses kepada keadilan disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan akses kepada keadilan atau *continuing access to justice* dengan izin dapat dilaksanakan.

Dalam hal ini, Badan Kehakiman telah meningkatkan kebergantungan kepada penggunaan teknologi dalam urusan operasi mahkamah, di mana antara langkah yang diambil termasuklah mengadakan pengendalian prosiding mahkamah secara dalam talian melalui sistem *e-Review*, e-mel dan juga pendekatan kes melalui sidang video bagi kes-kes sivil.

Selaras dengan pindaan terbaru peruntukan seksyen 15A Akta Mahkamah Keadilan 1964 yang mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2020, antara lainnya ia membenarkan apa-apa prosiding sivil atau jenayah dijalankan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh demi kepentingan keadilan. Projek rintis bagi perbicaraan kes

secara sidang video telah dijalankan di mahkamah terbuka, bilik bicara Mahkamah Persekutuan 1 pada 9 November 2020 yang lalu, yang mana ia melibatkan dua kes rayuan sivil dibicarakan oleh lima panel hakim dan dua kes rayuan sivil yang dibicarakan di hadapan tiga panel hakim-hakim Mahkamah Persekutuan.

Kesemua panel hakim ini akan berada di mahkamah terbuka, manakala pihak peguam berada di stesen masing-masing. Mahkamah Persekutuan juga secara rintis telah mendengar kes-kes rayuan jenayah habeas corpus secara dalam talian di Mahkamah Teknologi. Inisiatif bagi mendengar kes-kes habeas corpus ini adalah untuk memastikan hak-hak kebebasan individu dapat dijamin dengan menyenaraikan kes rayuan pada kadar yang segera walaupun dalam situasi pandemik yang sedang berlaku pada masa ini.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua prosiding dalam talian ini adalah sebagai alternatif sahaja, tidak menghalang pihak-pihak untuk meneruskan perbicaraan kes mahkamah secara konvensional dengan pematuhan SOP yang ketat sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sila Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri masih ingat lagi ketika kita membahaskan pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman. Saya adalah salah seorang yang lantang membantah kepada pindaan-pindaan ini. Akan tetapi persoalan saya sekarang, kalau pindaan-pindaan ini telah pun dibuat, kenapakah kita masih tidak mengamalkan pindaan ini terutamanya apabila ia melibatkan perbicaraan-perbicaraan yang penting seperti yang melibatkan kes Yang Berhormat Pekan? Bukankah tidak pindaan-pindaan ini digunakan oleh mahkamah untuk kita teruskan dengan perbicaraan Yang Berhormat Pekan, supaya tidak ditunda kes tersebut kerana ini adalah kes yang begitu penting yang rakyat sedang lihat. So, kalau kita buat pindaan tersebut tetapi pindaan itu tidak diamalkan, tidak dipraktikkan maka menjadi sia-sia sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa pelaksanaan perbicaraan semasa COVID-19 ini adalah tertakluk kepada pematuhan garis panduan keselamatan yang ketat, SOP. Ini termasuklah apabila ia melibatkan orang kena tuduh apatah lagi saksi-saksi yang dibawa ke mahkamah yang pada masa satu orang saksi memberi keterangan, saksi-saksi lain perlu berada di mahkamah terutamanya untuk *identification* ataupun pengecaman saksi. Inilah yang dihadapi oleh mahkamah menyebabkan kebanyakan kes ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Terima kasih.

Kedua Yang Berhormat Seputeh, ada ya? Mencadangkan kerajaan bersama *Attorney General's Chambers of Malaysia (AGC)* mengambil langkah membuat kajian mengurangkan jumlah banduan pesalah kes kecil melalui pembebasan, sekali gus dapat mengurangkan jangkitan COVID-19 di penjara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, dalam hal ini Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan semua agensi penguatkuasaan supaya langkah pengurangan jumlah banduan dalam tahanan dapat diambil. Antara langkah yang telah diambil untuk mengurangkan jumlah banduan pesalah kes kecil ini ialah antaranya:

- (i) menawarkan kompaun bagi kesalahan yang boleh di kompaun, *compoundable case* dengan izin;
- (ii) timbalan pendakwa raya memohon hukuman denda yang setimpal dalam jumlah yang mampu dibayar oleh pesalah-pesalah itu. *Reasonable amount* dengan izin;
- (iii) tempoh tahanan reman pesalah diambil kira sebagai tempoh hukuman walaupun reman itu sepatutnya tidak dikira tetapi diambil kira sebagai sebahagian daripada hukuman penjara; dan
- (iv) TPR juga memaklumkan kepada mahkamah tentang hukuman alternatif kepada pemenjaraan. Antaranya:
  - (a) hukuman perintah khidmat masyarakat untuk pesalah muda di bawah subperenggan 293(1)(e)(i) CPC;
  - (b) melepaskan dengan amaran, *caution and discharge* di bawah seksyen 173A CPC;
  - (c) bon berkelakuan baik di bawah seksyen 294, CPC;
  - (d) bon keamanan di bawah seksyen 67, CPC; dan
  - (e) perintah kehadiran wajib di bawah seksyen 5, Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah.

Itu antara perkara-perkara yang diamalkan di mahkamah dan syukur perkara ini telah berjalan dan memberi kesan yang amat baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh juga, banyak dia – meminta kerajaan membincangkan dan mengharmonikan hukuman kesalahan kecil yang selalunya, kata beliau *double standard*. Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kuasa untuk menjatuhkan hukuman adalah budi bicara kehakiman hakim atau majistret yang mengendalikan kes itu. Dia punya budi bicara, *judicial discretion* kepada mereka dengan izin. Tidak ada sebarang peraturan khusus berkaitan dengan pemakaian kuasa budi bicara tersebut. Hakim dan majistret bebas

membuat keputusan selagi mana keputusan yang dibuat adalah berdasarkan prinsip penghukuman dan kerangka perundangan. *Cannot go beyond that*, dengan izin.

Sesungguhnya hukuman yang dijatuhkan adalah dalam ruang lingkup hukuman yang dibenarkan sahaja oleh undang-undang bagi sesuatu kesalahan yang dituduh kepada tertuduh. Justeru itu Yang Berhormat Seputeh, isu diskriminasi atau *double standard* tidak pernah berbangkit kepada mahkamah selagi mahkamah menjatuhkan hukuman selaras dengan peruntukan yang diberikan di bawah undang-undang.

Namun demikian, mana-mana pihak sebagaimana Yang Berhormat Seputeh pun maklum, selalu juga masuk mahkamah – mana-mana pihak yang tidak berpuas hati, *either party* yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah, yang mana mereka anggap dengan izin *manifestly excessive or inadequate* atau tidak cukup boleh membuat rayuan ke mahkamah yang lebih atas. Dijelaskan juga bahawa penetapan hukuman adalah satu proses yang subjektif sebagaimana yang diputuskan oleh Yang Arif Raja Azlan Shah dalam kes yang terkenal kes Liow Siow Long vs PP, 1970.

Raja Azlan mengatakan penetapan hukuman bergantung kepada fakta dan hal keadaan sesuatu kes. Kedua, hakim dan majistret bebas menentukan tujuan hukuman, prinsip hukuman, hukuman yang memadai dalam ruang lingkup yang diperuntukkan oleh undang-undang dan ketiga, hakim dan majistret mempunyai tanggungjawab untuk mengimbangi faktor-faktor termasuk mitigasi, *mitigation*, rayuan untuk mengurangkan hukuman oleh pesalah dan juga kepentingan pesalah, mangsa dan juga kepentingan awam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puchong sahabat saya bertanya atau mohon penjelasan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, adakah perbincangan ini juga melibatkan pihak polis dan juga pihak majistret kerana kita lihat selalunya majistret yang muda yang masuk, mereka hendak mengamalkan keadilan dan selalunya hukuman yang berat dijatuhkan oleh mereka. Semua ini menyumbang kepada kesesakan dalam penjara.

Kita juga lihat tiap-tiap hari apabila Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan mengumumkan beberapa orang yang melanggar SOP COVID-19 itu ditangkap, selalunya setiap hari beratus-ratus orang. Kadang-kadang ada orang yang memang tidak sengaja.

#### ■1320

Macam saya sekarang, saya hendak cakap, jadi saya pakai saya punya *mask* macam ini. Ini juga akan dipaksa – saya mungkin akan didenda bayar RM1,000. Semua

ini *is very unnecessary*. Ramai orang sudah sangat miskin tetapi kalau mereka tidak mampu bayar, selepas itu kena masuk lokap. Jadi, semua ini menyumbang kepada kesesakan dalam lokap polis dan juga penjara...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya tidak pasti sama ada perbincangan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Ada melibatkan pihak-pihak ini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh, saya rasa apa yang apa telah saya jawab tadi adalah langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah banduan ataupun pesalah masuk dalam mahkamah.

Keduanya, saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat Seputeh mengatakan majistret-majistret yang baharu inilah yang menyebabkan dia jatuh hukum tinggi-tinggi atau ramai-ramai. Saya pernah jadi majistret mungkin Yang Berhormat Puchong tidak pernah jadi. Mula-mula saya jadi majistret, saya jatuh hukuman satu hari penjara, saya balik rumah sudah tidak lena tidur. Betulkah saya jatuh hukuman sehari penjara?

Jadi, majistret yang awal ini sebenarnya dia ada panduan. Saya sebut di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah mengeluarkan satu buku sebagai panduan majistret yang muda-muda ini dinamakan *Benchbook Criminal Law 2nd Edition 2014* yang memberi panduan kepada majistret-majistret yang baharu ini menjatuhkan hukuman. Jadi, tidak betullah kata mereka ini menjatuhkan hukuman mengikut pemikiran mereka sahaja.

Yang Berhormat Puchong telah memohon penjelasan kerajaan berhubung dengan tindakan ke atas Jho Low berhubung dengan wang yang dikatakan melibatkan Jho Low ini. Untuk makluman Yang Berhormat Puchong, pertuduhan secara *in absentia* terhadap Jho Low sebagaimana Yang Berhormat maklum juga telah difailkan oleh PDRM dan SPRM sebagaimana berikut:

- (i) sebanyak 13 pertuduhan di bawah seksyen 41 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA);
- (ii) sebanyak empat pertuduhan di bawah subseksyen 370 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dibaca bersama seksyen 179; dan
- (iii) sebanyak satu pertuduhan masing-masing di bawah perenggan 41 Akta AMLA dan juga perenggan 28 Akta SPRM yang dibaca bersama dengan seksyen 23.

Sehubungan dengan itu juga, waran tangkap dan *Interpol Red Notice* juga telah dikeluarkan terhadap Low Taek Jho ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dengar bahawa ada tindakan diambil *in absentia* yang bermaksud bahawa tindakan diambil semasa tertuduh itu tidak ada di dalam negara ataupun di dalam mahkamah. Akan tetapi soalan saya, kalau kita keluarkan waran tangkap *Red Notice Interpol* dan sebagainya, adakah langkah-langkah diambil untuk kita cari, mengesan untuk bawa balik penama ini. Ini kerana, kalau ada satu tindakan di mahkamah khususnya tindakan jenayah, lebih berpatutan kalau kita ada penama tersebut kerana hendak dengar pembelaan beliau dan sebagainya dan juga, *went it come to execution of any order made*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, soalan saya tuju kepada itu. Ini kerana, kita lihat rencana yang ditulis oleh Al Jazeera itu yang kononnya mengatakan beliau ada di Macau dan sebagainya. Jadi, adakah tindakan diambil untuk kita mengesan penama Jho Low ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya kira soalan ini lebih wajar dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Walaupun demikian, satu maklumat umumlah kita mengetahui bahawa pihak PDRM dengan kerjasama daripada Interpol telah berusaha mengesan perkara ini. Akan tetapi, sehingga sekarang ini sebagaimana kita maklum, belum lagi muncul-muncul dalam negara kita ini. Itu usaha yang dilakukan oleh polis. Saya rasa memadai, itu sahaja yang saya boleh saya jawab. *It is not within my jurisdiction.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua hanya – kalau boleh penjelasan sedikit. Yang Berhormat Menteri, tadi ada kata bahawa tindakan telah difailkan dan diberi senarai tersebut. Apakah status kes tersebut sehingga sekarang ini?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya tidak ada rekod sekarang ini, saya akan beri secara bertulis. *Please, thank you.*

Seterusnya Yang Berhormat Puchong juga telah membangkitkan isu berkaitan dengan bajet Jabatan Peguam Negara yang dikatakan telah dikurangkan, mencatatkan angka pengurangan. Mengikut apa yang telah saya difahamkan bahawa Bajet 2021 untuk AGC sebenarnya tidak mengurang. Pada tahun ini bajet, untuk AGC adalah sebanyak RM178 juta berbanding dengan pada tahun 2020 sebanyak RM176 juta. Iaitu kenaikan sebanyak 0.6 peratus lebih tinggi.

Namun, demikian yang disoal oleh Yang Berhormat Puchong adalah berkaitan dengan aktiviti pendakwaan. Saya akui bahawa pada tahun ini untuk Bajet 2021, bajet untuk aktiviti pendakwaan telah diberikan sebanyak RM9.802 juta berbanding dengan tahun 2020 sebanyak RM15.5 juta. Penjelasannya, perbezaannya sebanyak RM5.698



juta iaitu 36.7 peratus. Penjelasannya ialah pada tahun lepas, terdapat suatu peruntukan pembayaran emolumen sebanyak 150 jawatan tambahan Pegawai Undang-undang (PUU) Gred L41 diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Secara pukal diluluskan seramai 150 orang ini untuk tahun 2019. Pelantikan mereka dibuat pada tahun 2020 oleh sebab itulah menimbulkan satu anggaran yang tinggi untuk emolumen.

Akan tetapi, bagi tahun 2021, jawatan tambahan sebanyak 150 Gred L41 ini telah pun ditempatkan semula di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri dan juga Pejabat AGC cawangan-cawangan di negeri-negeri mengikut keperluan. Oleh sebab itulah, untuk peruntukan di AGC ini dikurangkan dan diletakkan di tempat yang lain. Itu penjelasan yang boleh saya berikan. Bukan melibatkan pengurangan gaji dan sebagainya, tidak timbul. Ini melibatkan perjawatan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah minta penjelasan? Terima kasih untuk jawapan itu. Saya rasa Yang Berhormat Menteri kita semua melihat kepada apa yang disebut sebagai tidak ada perbezaan. Hanya tentang di mana terletaknya wang tersebut dan bagaimana ia akan diagihkan menurut keperluan.

Akan tetapi, boleh saya dapat pengesyoran juga daripada kerajaan di sini bahawa apabila kita lihat pada mereka yang membuat kerja pendakwaan, jabatan-jabatan yang terlibat dan juga hakim-hakim dan majistret yang berkaitan. Kita perlu memberikan tumpuan kepada kerja mereka. Yang Berhormat Menteri juga faham perkara ini kerana seorang yang juga beramal sebagai peguam dahulu dan juga *on the bench*. Boleh kita dapat *assurance* bahawa kerajaan juga akan melihat bagaimana boleh kita menggalakkan mereka lagi dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Puchong, saya terima, kerajaan menerima pandangan yang baik itu. Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada Yang Berhormat Cameron Highlands yang mencadangkan hak-hak istimewa Orang Asli sebagaimana termaktub dalam Perkara 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan dipinda melalui pindaan dalam Jadual Kesembilan di bawah Senarai III, Senarai Bersama.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa perlindungan Orang Asli di peruntukan di bawah fasa dan juga perkara yang disebutkan tadi, yang menyatakan bahawa hal perkara berkenaan kesamarataan "*...tidak menidakkan sahkan atau melarang (c) apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau kemajuan Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu (termasuk perizaban tanah) ataupun perizaban bagi Orang Asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam*".

Dalam menjamin perlindungan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah pun menjalankan kuasa yang diperuntukkan kepadanya melalui pelbagai cara. Antaranya melalui Akta Orang Asli 1954 yang memperuntukkan perlindungan, kesentosaan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu. Akta Orang Asli ini merupakan inisiatif kerajaan dengan persetujuan semua kerajaan negeri pada masa akta ini dilaksanakan. Akta ini digubal untuk memberi kuasa eksekutif tertentu kepada kerajaan negeri.

Merujuk kepada cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan peruntukan Orang Asli ini, saya ingin menyatakan kerajaan sedang menimbang perkara ini. Jika perlu, ia akan dilaksanakan dan saya yakin perkara ini tidak timbul masalah dua per tiga majoriti kerana perkara yang baik saya kira akan disokong oleh kerajaan mahupun oleh pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banya lagi perkara yang tidak sempat saya habiskan oleh sebab masa telah habis, saya akan *upload*-kan...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** ...Segala ucapan saya di dalam portal. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri boleh? Secara ringkas sahaja Yang Berhormat Menteri. Hendak tanya tentang laporan SPRM [*Sambil menunjukkan senaskah buku*] terhadap Timbalan Menteri, Kementerian Perusahaan Perladangan Komoditi. Apakah status terkini terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya tidak sempat *you can check from the portal*.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Boleh jawab terkini? Adakah fail telah dibuka terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Masa sudah habislah. Ada dalam ini.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ya atau tidak, senang sahaja jawapan. Ya atau tidak.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya, ada dalam ini. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih.

■1330

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, silakan.

1.30 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sebagai pembuka bicara izinkan saya meminjam kata-kata Nabi Allah Yaakub a.s. yang dirakamkan dalam Al-Quran Nur Karim [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]- "*Sesungguhnya aku hanyalah mengadukan kesusahan dan dukacita kepada Allah*".

Demikianlah menerusi ayat ini, kita diajar agar sentiasa mengadu dan merintih kepada Allah dalam setiap urusan hidup, moga-moga Allah permudahkan kehidupan kita semuanya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan *jazakumullah khairan jaza'* dan setinggi penghargaan juga terima kasih, terutamanya kepada Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Parit Buntar yang telah membangkitkan 16 isu dan soalan-soalan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Agama dalam masa di bawah kementerian saya semasa perbahasan Belanjawan 2021, peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan penggulungan ini dengan mengatakan *bismillah tawakkalna 'alallah* dengan menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas mengenai SOP solat jemaah di masjid dan surau yang dikatakan terburu-buru menutup masjid dan surau. Pertama sekali, kerajaan amat sedar dan sentiasa mengambil kecahnaan serta prihatin terhadap segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh rakyat berkenaan dengan SOP yang dikenakan.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak boleh berkompromi dan mengambil mudah dalam memelihara kesihatan dan keselamatan rakyat. Justeru, kerajaan sentiasa mendengar nasihat KKM dan MKN bagi memastikan pembukaan masjid dan surau tidak bertentangan dengan usaha kerajaan untuk memutuskan rantaian COVID-19.

Kaedah fiqah menyebut [*Membaca sepotong Hadis*], "*Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah berasaskan kepada maslahat*". Hal ini bukan sahaja dilakukan di Malaysia tetapi juga dilakukan oleh negara-negara Islam yang lain berdasarkan pandangan institusi-institusi fatwa terkemuka dunia seperti Hai'ah Kibar Ulama Al-Azhar, Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia, Majma' al-Fiqh al-Islami Sedunia, hatta, pejabat Menteri sendiri telah menerbitkan buku mengenai topik Fiqah COVID-19 dan Risalah Al-Bayyan bertajuk *Isu Penjarakan Fizikal Semasa Solat Berjemaah di Masjid dan di Surau*, sarat dengan fakta dan hujah serta pandangan-pandangan mereka yang berkeahlian dalam agama.

Mengenai SOP pembukaan masjid dan surau, saya telah mengambil inisiatif mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) sejak awal penularan wabak COVID-19 berlaku. Sehingga kini, sembilan kali mesyuarat khas telah diadakan. Dalam mesyuarat terakhir pada 2 November 2020, antara resolusi yang dipersetujui adalah kapasiti jemaah ketika solat Jumaat diperluaskan kepada satu per tiga dewan solat utama. Manakala, 30 orang bagi solat jemaah lima waktu di masjid dan surau.

Kanak-kanak berumur lapan tahun ke atas juga dibenarkan untuk hadir menunaikan solat Jumaat. SOP ini telah pun dilaksanakan di Wilayah-wilayah Persekutuan. Pelaksanaan ini di peringkat negeri-negeri yang lain pula adalah tertakluk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing memandangkan urusan agama terletak di bawah bidang kuasa negeri dengan perkenan Tuanku, Sultan atau Raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih dengan cadangan dan juga isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan pembangunan institusi pendidikan Islam di negara kita. Yang Berhormat Dungun mencadangkan agar kerajaan menaik taraf Darul Quran kepada sebuah Universiti Al-Quran dengan menggunakan sepenuhnya model wakaf seperti yang telah dilakukan oleh negara lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyambut baik cadangan tersebut dan sedang mengkaji dengan serius dan meneliti lanjut kaedah penubuhan Universiti Al-Quran berdasarkan dasar dan polisi sedia ada, di samping memastikan ia selaras dengan Rang Undang-undang Wakaf yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini kelak.

Berdasarkan pertanyaan Yang Berhormat Kuala Krai pula, mengenai peruntukan untuk sekolah agama, tahfiz dan pondok. Untuk Belanjawan 2021, suka saya nyatakan dan tegaskan bahawa kerajaan amat mengambil berat terhadap pendidikan dan masa hadapan kanak-kanak kita yang belajar di institusi tersebut. Ini terbukti menerusi peruntukan sebanyak RM29 juta bagi melaksanakan Program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah KPT yang akan memberikan manfaat kepada hampir 15,000 pelajar institusi tahfiz dan sekolah pondok.

Mengenai peruntukan khusus kepada sekolah agama rakyat, tahfiz dan sekolah pondok. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta di bawah komponen selenggara semua jenis sekolah yang berjumlah keseluruhannya sebanyak RM800 juta sebagai mana yang dibentangkan dalam ucapan Belanjawan 2021 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini secara tidak langsung menjawab persoalan Yang Berhormat Tampin, adakah terdapat bantuan kerajaan terhadap institusi pendidikan Islam bukan milik kerajaan?

Ini kerana institusi pendidikan Islam bukan milik kerajaan seperti institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan pemegang taruh (*stakeholders*) di negeri masing-masing turut menerima manfaat daripada peruntukan tersebut, *insya-Allah*. Berhubung isu yang diusulkan oleh Yang Berhormat Sik supaya kerajaan mengkaji semula perjawatan Penyelia KAFA, Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 agar dinaiktarafkan ke jawatan tetap Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM sedang mengkaji jawatan seramai 383 orang Penyelia KAFA berstatus *contract of service* Gred S19 untuk diberikan pengiktirafan. Skim perjawatan yang lebih sesuai dengan beban tugasnya iaitu di bawah skim Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 secara *contract of service*. Berkenaan dengan Yang Berhormat Setiu agar kerajaan menaik taraf...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri, Sik inginkan sedikit penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri:** Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya lanjut berkenaan dengan Kelas KAFA ataupun pengajian yang diumumkan oleh JAKIM bahawa Ujian UPKK Kelas KAFA ini untuk Tahun 5, 2020 akan ditangguh bersama dengan pelajar Tahun 5, 2021. Maksudnya, tahun ini tidak ada Ujian UPKK dan dibawa tangguh ke tahun depan.

Adakah pihak JAKIM ingin menilai balik keputusan ini? Ini kerana pelajar-pelajar Tahun 5, 2020 ini akan bertembung dengan peperiksaan UPSR di sekolah kebangsaan. Mungkin juga akan ada sedikit masalah di antara pelajar itu yang akan mengambil dua peperiksaan pada tahun yang sama. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri:** Okey, terima kasih. Masalah ini saya akan mengambil satu kecaknaan dan perbincangan secara lanjut akan diberikan jawapan kepada isu ini, *insya-Allah*. Berkenaan cadangan Yang Berhormat Setiu agar kerajaan menaik taraf guru KAFA yang berkhidmat lebih 10 tahun diberikan status guru tetap berpencen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM sedang mengkaji perwujudan jawatan tetap guru KAFA melalui projek rintis yang dijangka akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan pihak berkaitan. Projek ini akan melibatkan seramai 120 orang guru di 12 buah sekolah di Wilayah Persekutuan, Sabah, Kelantan dan juga Pahang. Melalui projek ini, guru KAFA akan dibayar elaun setaraf dengan DG29. Kerajaan berharap projek rintis ini dapat menjadi penanda aras untuk kerajaan mewujudkan jawatan tetap dan berpencen kepada guru-guru KAFA pada masa akan datang, *insya-Allah*.

Suka saya tegaskan, tugas guru amatlah mulia dan kebajikannya akan sentiasa dibela. Bak kata pujangga Osman Awang, "*Dialah pemberi paling setia, tiap akar ilmu miliknya, pelita dan lampu segala, untuk manusia sebelum jadi dewasa*". Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan soalan Yang Berhormat Tampin, berkenaan sejauh mana kementerian sudah berpuas hati dengan *syllabus* pengajian guru takmir di masjid-masjid dan surau-surau.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengemas kini dan menambah baik kokurikulum atau *syllabus* kelas pengajian takmir. Kokurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada kehendak dan keperluan semasa serta tahap pendidikan masyarakat. Hal ini berdasarkan asar yang mengatakan [*Membaca sepotong Hadis*] maksudnya, "*Sampaikanlah ilmu atau apa-apa maklumat kepada manusia mengikut tahap kefahaman mereka*".

#### ■1340

Bagi memastikan impak dan nilai tambah ini tercapai, Pegawai Penyelaras Takmir Negeri dan Penyelarasan Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) sentiasa menjalankan pemantauan terhadap respons balas pengajian takmir. Hasil dapatan pemantauan ini akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penyelarasan dan Program Pelaksanaan Program Takmir Masjid dan Surau seluruh Malaysia bagi mendapatkan ulasan dan syor kepada *outcome* dan *output* pengukuhan dan pengimarahkan takmir seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelebu ingin mengetahui sama ada JAKIM mempunyai sebarang peranan bagi menentukan isu halal dan haram sesuatu vaksin. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah menjelaskan hukum harus bagi penggunaan vaksin selari dengan kaedah pencegahan yang dianjurkan Islam, berteraskan konsep prinsip *maqasid syariah* iaitu menjaga nyawa atau [*Berucap dalam Bahasa Arab*]. Dalam isu perubatan ulama sepakat bahawa makanan termasuk ubat-ubatan mestilah terdiri daripada bahan yang baik (*thoyyib*) dan halal serta tidak mempunyai unsur-unsur yang memudaratkan kesihatan badan dan akal manusia.

Namun terdapat kelonggaran atau *rukhsah*, menggunakan sumber yang haram dalam kes darurat yang boleh mengakibatkan kematian dan juga penyakit kronik sebagai mana yang disebut [*Berucap dalam Bahasa Arab*], sedangkan sumber halal tidak diperolehi. Isu ini akan sentiasa dikaji dan diangkat ke Mesyuarat Muzakarah MKI mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu wakaf. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Dungun atas cadangan melibatkan keanggotaan daripada pelbagai bidang dalam Jawatankuasa Pelan Induk Wakaf Nasional yang akan ditubuhkan. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin tegaskan isu wakaf adalah agenda yang akan diangkat sebagai nadi ekonomi dan pembangunan negara. Justeru, Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) akan merangkumi semua aspek pembangunan bermula dari kaedah pembiayaan sehingga pengurusan dan penjanaan dana daripada aset-aset wakaf. Memandangkan ia akan menjadi dokumen rujukan semua pihak berkepentingan dalam pembangunan wakaf di Malaysia, Jawatankuasa yang ditubuhkan akan melibatkan Majlis Agama Islam Negeri dan semua pakar dalam bidang masing-masing seperti pakar, para akademik, pemain industri dan juga agensi berkepentingan wakaf yang mempunyai kepakaran dalam bidang syarak, undang-undang, percukaian serta kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan isu wakaf adalah isu zakat. Yang Berhormat Parit Buntar ingin mengetahui tentang penyelarasan maklumat kutipan zakat daripada seluruh negara bagi mempertingkatkan ketelusan dan integriti kutipan dan pengagihan zakat khususnya dalam keperluan suasana COVID-19. Sebagaimana, Ahli Yang Berhormat sedia maklum urusan zakat adalah termasuk di bawah bidang kuasa pihak kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja bertindak sebagai Ketua Agama Islam negeri. Manakala bagi Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak, dan Pulau Pinang, maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah bertindak selaku Ketua Agama Islam termasuk Melaka.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah awal, Jabatan Wakaf dan juga Zakat dan Haji (JAWHAR) menjalinkan kerjasama dengan pihak MAIN serta Jabatan Akauntan Negara Malaysia selaku peneraju dalam membangunkan piawai perakaunan Islam bagi institusi baitulmal, zakat dan wakaf. Usaha ini telah dilaksanakan dan akan berterusan secara berfasa sebagai langkah memperkasakan dan menyelaraskan urusan zakat di negara ini, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai rancangan terhadap pemerkasaan nilai-nilai agama khususnya dalam kalangan anak muda hari ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya pihak kerajaan menerusi tindakan bersepadu agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Agama-agama Negeri-negeri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi menangani isu ini. Pelbagai program dilaksanakan bagi memastikan golongan belia memperoleh ilmu pengetahuan dalam memperkasakan nilai-nilai agama, sama ada dalam bentuk kursus, seminar, wacana, dakwah santai dan lain-lain lagi.

Kerajaan juga telah membina modul-modul yang sesuai seperti modul jati diri dan modul kepimpinan belia. Selain daripada itu, Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) tahun 2019 sehingga tahun 2025 telah diwujudkan bagi tujuan menangani gejala sosial

dalam kalangan orang Islam. Pemerksaan nilai-nilai agama yang dilaksanakan melalui strategi yang ditetapkan di bawah teras-terasi PTSI dilaksanakan secara holistik melibatkan semua peringkat umur termasuk anak muda. Sesungguhnya, isu akhlak di kalangan pemuda amat penting, bak kata penyair agung, Ahmad Syauqi daripada Mesir, [*Berucap dalam Bahasa Arab*], maksudnya, “*Sesungguhnya umat-umat itu hebatnya pada akhlak mereka, selagi masih ada, jika mereka hilang akhlak maka hilanglah kehebatan mereka*”.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan Yang Berhormat Parit Buntar mengenai peruntukan RM10 juta yang telah diluluskan bagi tujuan menyebarkan dasar Islam yang dirangka. Untuk makluman Yang Berhormat, baki peruntukan tersebut telah pun diprogramkan semula. Ia diagihkan kepada beberapa agensi di bawah saya iaitu JAKIM, YADIM, TV Hijrah, IKIM dan MAIWP bagi melaksanakan beberapa program seperti Rakan Masjid dan Hospital, anugerah nasyid, pemerksaan program dakwah, MyHouse, *is'ad al usrah*, dialog kefahaman Islam dan lain-lain. Selain daripada itu digunakan untuk melaksanakan beberapa projek penerbitan khas seperti Tafsir Al-Bayan terjemahan Al-Quran juga terjemahan sunan sittah bermula dengan terjemahan Sahih Al-Bukhari, *insya-Allah* dalam peringkat akhir.

Yang Berhormat Parit Buntar juga ingin mengetahui status pelaksanaan Akta Profesion Guaman Syarie yang telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [Akta 814] masih belum dikuatkuasakan kerana terdapat beberapa perundangan subsidiari dalam bentuk kaedah-kaedah yang perlu digubal terlebih dahulu dan dikuatkuasakan serentak dengan Akta 814. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memberikan mandat kepada Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dan PGSM cawangan Wilayah Persekutuan untuk sama-sama melaksanakan perkara-perkara ke arah merealisasikan penguatkuasaan Akta 814, termasuk penggubalan kaedah-kaedah tersebut.

Yang Berhormat Parit Buntar juga turut bertanya berkenaan dengan peruntukan bagi memperkasakan Mahkamah Syariah sewaktu COVID-19 dalam Belanjawan 2021. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Belanjawan 2021 JKSM akan menerima peruntukan sebanyak RM81.09 juta. Program-program untuk memperkasakan dan memartabatkan Mahkamah Syariah secara holistik telah dijalankan dari semasa ke semasa berdasarkan peruntukan yang diterima termasuk usaha-usaha menyesuaikan mahkamah dengan situasi COVID yang sedang melanda sekarang ini.

Berkaitan isu integriti hakim-hakim syarie yang memberikan pandangan di luar, sedangkan mereka tertakluk kepada Kod Etika Arahan, Amalan Nombor 1, Tahun 2000. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Buntar, Perkara 3G, Kod Etika Hakim Syarie



2001 menetapkan bahawa seorang hakim syarie tidak boleh memberi pendapat mengenai sesuatu perkara atau keadaan ia sedang dibicarakan atau berkemungkinan akan menjadi suatu isu dalam mana-mana perbicaraan di hadapannya kerana pendapatnya itu boleh kemudiannya digunakan oleh sesuatu pihak untuk menyokong hujahnya.

Justeru, hakim syarie yang terlibat perlu sedar dengan etika hakim syarie yang mana pandangan dan ulasan yang diberikan adalah secara umum berkaitan prinsip undang-undang dan hukum dan tidak boleh menyentuh secara langsung perkara yang dibicarakan di dalam mahkamah. Walau bagaimanapun, peringatan dari semasa ke semasa telah dan akan sentiasa diberikan kepada hakim-hakim syarie tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir adalah berkenaan isu yang amat dekat dengan hati dan jiwa seluruh umat Islam di negara ini iaitu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai mengenai perancangan urusan haji dan umrah untuk rakyat Malaysia dalam situasi COVID-19 ini. Seperti mana yang Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah menimbulkan risiko keselamatan dan kesihatan awam yang serius. Wabak ini telah menjangkiti, sehingga hari ini hampir 55.6 juta orang dan mengakibatkan 1.34 juta nyawa telah terkorban di seluruh dunia.

Arab Saudi sebagai tuan rumah dalam urusan umrah dan haji sentiasa memantau rapi perkembangan semasa pandemik COVID-19 di serata dunia sebelum mengeluarkan sebarang pemakluman rasmi.

#### ■1350

Dalam kenyataan Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi pada 22 September 2020, jemaah haji luar Arab Saudi dibenarkan menunaikan umrah bermula pada 1 November 2020 dengan jumlah jemaah yang begitu terhad iaitu 20,000 orang setiap hari. Pelaksanaan ibadah umrah ini adalah tertakluk kepada SOP yang akan dibentangkan kemudian nanti, *insya-Allah*.

Justeru, sebelum membuat ketetapan sama ada memberi kebenaran kepada umat Islam ke Tanah Suci mengerjakan umrah, kerajaan akan mendapatkan pandangan dan nasihat daripada MKN dan KKM mengenai urusan haji yang dijadualkan bermula 11 Jun 2021. Sehingga kini, Kerajaan Arab Saudi belum mengeluarkan sebarang pemakluman dan kenyataan rasmi. *Insya-Allah*, kita akan bincangkan dengan mereka satu-persatu dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja perkara yang sempat saya jawab dalam tempoh yang amat singkat ini. Manakala jawapan lengkap akan dikemukakan selepas ini. Saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan *jazakumullah khairan*

*jaza* kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama berbincang, bertukar fikiran, memberi pandangan dan seumpamanya. Saya amat menghargai semua.

Saya akhiri dengan doa kepada Allah. Semoga Allah kurniakan kepada kita taufik hidayah, kebahagiaan, keamanan, kesihatan dan afiat dan Allah pelihara kita daripada sebarang musibah serta COVID-19 dapat dihindar di Malaysia ini. Amin. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**1.51 ptg.**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri demi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan serta meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan negara ke pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini, KDNK benar pada suku ketiga tahun 2020 mencatatkan kemerosotan sebanyak 2.7 peratus. Penguncupan kadar KDNK yang jauh lebih kecil pada suku ketiga tahun ini berbanding suku kedua tahun 2020 iaitu -17.1 peratus mencerminkan kegiatan ekonomi yang meningkat dengan ketara. Ini berikutan pembukaan semula ekonomi selepas pelaksanaan PKP dan keadaan perkhidmatan luaran yang lebih baik.

Prestasi perdagangan negara juga meningkat pada suku ketiga tahun ini di mana jumlah perdagangan, eksport dan import merekodkan pertumbuhan masing-masing sebanyak 17.3 peratus, 24 peratus dan 9.6 peratus berbanding suku kedua tahun 2020. Lebihan dagangan pula melonjak 118.6 peratus.

Selain daripada itu, langkah kerajaan mengimbangi *life and livelihood* telah mengukuhkan keyakinan pelabur. Hasil daripada itu, pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi telah menunjukkan peningkatan sebanyak 110.4 peratus iaitu daripada RM22.1 bilion pada suku tahun kedua kepada RM46.5 bilion pada suku tahun ketiga.

Secara keseluruhannya, bagi tempoh Januari hingga September 2020, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, sektor perkhidmatan dan sektor utama adalah berjumlah RM109.8 bilion melibatkan 2,935 projek dan dijangka akan

dapat mewujudkan lebih daripada 64,701 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, pelaburan langsung asing menyumbang sebanyak 38.8 peratus yang bernilai RM42.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, teguran Yang Berhormat Langkawi mengenai usaha-usaha untuk memudah cara dan mempercepatkan proses kelulusan projek pelaburan serta lesen pengilangan untuk menarik lebih banyak pelaburan mendapat perhatian serius daripada kerajaan. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam menyediakan ekosistem yang kondusif melalui penambahbaikan dan pengukuhan tatacara serta proses kelulusan projek-projek pelaburan baharu dan sedia ada.

MITI bersama-sama Kementerian Kewangan sentiasa memperkenalkan insentif dan galakan bagi syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang terkesan daripada pandemik COVID-19 dan juga konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China. Usaha proaktif ini dapat memastikan pelabur sedia ada kekal beroperasi sekali gus berpotensi untuk berkembang dan meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia.

Sebagai contoh, pada awal November 2020, Western Digital, syarikat pengeluar peralatan storan digital terkemuka bersetuju menambah pelaburan RM2.3 bilion bagi meningkatkan kemudahan dan kapasiti pengeluaran di Malaysia. Ini menjadikan nilai keseluruhan pelaburan Western Digital di Malaysia berjumlah hampir RM18 bilion. Pelaburan tambahan ini akan memberi manfaat ekonomi kepada negara selain membuka peluang pekerjaan kepada lebih 2,000 penduduk tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sehingga September 2020, MIDA telah mengenal pasti sebanyak 97 projek yang berpotensi untuk memindahkan atau dengan izin, *relocate* atau mengembangkan operasi mereka ke Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 37 projek berjumlah RM9.2 bilion dari sektor pembuatan dan perkhidmatan telah diluluskan dalam tempoh Januari hingga September 2020.

Kelulusan tersebut merangkumi projek dalam sektor elektrik dan elektronik, jentera dan logam, logistik, kimia dan bahan termaju serta industri berasaskan sumber seperti kayu dan kertas dari syarikat yang berpangkalan di China, Hong Kong, Taiwan, Amerika Syarikat, Jepun, Korea, Singapura dan Switzerland.

MIDA sedang giat melakukan rundingan dengan syarikat-syarikat multinasional dari negara China, United Kingdom, Amerika Syarikat, Taiwan, Australia, Jepun, Jerman, Switzerland dan Korea Selatan untuk memuktamadkan pemindahan operasi ataupun *relocation* bagi 54 projek yang berjumlah RM21.1 bilion bermula suku tahun pertama 2021.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pekan mencadangkan agar konsep *green lane* diwujudkan untuk memudah cara proses kemasukan pelabur asing.

Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 September 2020 telah bersetuju supaya ditubuhkan *one-stop-centre* bagi memudah cara urusan kemasukan pelawat perniagaan. Penubuhan OSC ini terdiri daripada tiga komponen utama iaitu:

- (i) Jawatankuasa OSC yang dianggotai oleh MITI, MIDA, Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan kemasukan pelawat perniagaan dalam tempoh tiga hari bekerja;
- (ii) *Business Travelers Centre* (BTC) yang menyediakan perkhidmatan pegawai pengiring dan makmal ujian COVID-19 di BTC untuk memudahkan kemasukan pelawat perniagaan melalui KLIA; dan
- (iii) laman web khas yang mengandungi maklumat dan khidmat nasihat untuk memudahkan kemasukan pelawat perniagaan.

Setakat 20 November 2020, Jawatankuasa OSC telah menilai sebanyak 2,243 permohonan pelawat perniagaan jangka panjang di mana sebanyak 2,146 permohonan telah diluluskan dan 97 tidak dipertimbangkan di atas pelbagai faktor. Daripada jumlah permohonan yang diterima, sebanyak 55 peratus permohonan adalah untuk kategori *professional visit pass* dan 45 peratus adalah di bawah kategori pas penggajian ataupun *employment pass*.

Tuan Yang di-Pertua, MITI senantiasa komited untuk menarik pelaburan baharu dalam industri berimpak tinggi dan berteraskan teknologi. Antara usaha yang sedang giat dijalankan adalah pertama, *National Committee on Investment* sebagai jawatankuasa pelulus pelaburan tunggal negara yang bermesyuarat setiap minggu di mana semua penilaian dan kelulusan pakej pelaburan berkaitan insentif cukai dan geran di peringkat nasional dipusatkan. Bagi tempoh Mac hingga September 2020, sebanyak 1,054 projek yang bernilai RM66.9 bilion telah diluluskan dan dijangka akan menjana sejumlah 44,354 peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua adalah meluluskan lesen pengilang secara *fast track* melalui platform digital e-ML ataupun *e-Manufacturing License* untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua hari bekerja semenjak 1 Julai 2020. Menerusi mekanisme e-ML, sebanyak 312 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM22.9 bilion bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Oktober 2020.

#### ■1400

Ketiga, penubuhan *Projek Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA untuk memudah cara urusan dengan pelbagai agensi yang berkaitan dalam menyegerakan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia bermula dari 1 Julai 2020.

Sejak 31 Oktober 2020, sejumlah 185 projek daripada 398 projek pengilangan yang diuruskan oleh PACU mewakili 46 peratus telah mula dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian membangkitkan kewajaran untuk berbincang semula mengenai TPPA berikutan kemenangan Joe Biden sebagai Presiden Amerika Syarikat. Perjanjian perdagangan bebas atau FTA bukanlah sesuatu yang baharu kepada Malaysia. Sehingga kini negara telah menandatangani 16 FTA, di mana 14 FTA tersebut telah berkuat kuasa.

Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia menikmati pelbagai manfaat daripada FTA yang antara lain adalah penghapusan dan pengurangan tarif untuk barang-barang dagangan yang dieksport, penurunan halangan bukan tarif ataupun *nontariff barrier*, harmonisasi standard industri dan peraturan teknikal serta peningkatan fasilitasi dagangan untuk industri perusahaan kecil dan sederhana serta pedagang-pedagang Malaysia.

FTA juga menyumbang kepada pengukuhan integrasi syarikat-syarikat tempatan dalam rantaian nilai dan bekalan global untuk lebih berdaya saing di persada antarabangsa. Justeru, para pelabur asing akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan kerana akan dapat memanfaatkan peluang ini melalui FTA. Kerajaan akan memantau perkembangan dasar perdagangan antarabangsa Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Washington DC yang baharu.

Walaupun Kerajaan Pakatan Harapan telah bersetuju untuk meratifikasikan CPTPP, namun tidak menetapkan sebarang tempoh. Kerajaan Perikatan Nasional mengambil pendirian bahawa sebagai sebuah negara perdagangan, penyertaan Malaysia dalam setiap FTA termasuk CPTPP adalah berdasarkan kepada prinsip kedaulatan negara terpelihara, *free and open thread an investment* serta memelihara kepentingan pembangunan lestari industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kubang Pasu ingin mengetahui inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam menarik pelaburan luar untuk menjana peluang pekerjaan. Sebagai negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan mesra pelabur, kerajaan akan terus memastikan pengaliran masuk pelaburan asing berkualiti dan berimpak tinggi ke dalam negara yang akan dapat mencipta pekerjaan yang berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan. Seiring dengan komitmen ini, MITI akan terus melaksanakan inisiatif seperti berikut kepada syarikat bagi kelulusan lesen pengilang dan pemberian insentif:

- (i) jumlah guna tenaga sepenuh masa hendaklah sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia, merangkumi kakitangan pengurusan teknikal dan penyeliaan dan

- melaksanakan program latihan industri ataupun *internship* dengan institusi pengajian tinggi tempatan;
- (ii) menyasarkan peningkatan keupayaan pekerja tempatan menerusi penambahbaikan geran latihan di bawah Dana Strategik Pelaburan Tempatan atau DISF dengan nisbah padanan geran kerajaan ditingkatkan daripada 50 peratus kepada 70 peratus; dan
  - (iii) melaksanakan MIDA *Apprenticeship Programme* bersama Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) dan Kementerian Pendidikan dalam menyediakan tenaga kerja tempatan terlatih mengikut keperluan dan kehendak pihak industri.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan 2021 juga mencadangkan inisiatif tambahan seperti berikut:

- (i) Dana Strategik RM1 bilion sebagai pakej galakan pelaburan berteknologi dan nilai tambah tinggi untuk menarik pelaburan berkualiti berasaskan penyelidikan dan penggunaan teknologi baharu seperti *machine learning*, kecerdasan buatan ataupun *artificial intelligence*;
- (ii) lanjutan layanan kadar cukai pendapatan istimewa pada kadar rata 15 peratus untuk tempoh lima tahun kepada individu bukan negara yang memegang jawatan utama bagi pelaburan baharu strategik oleh syarikat yang memindahkan operasi ke Malaysia;
- (iii) galakan cukai istimewa kepada syarikat di sektor perkilangan yang ingin memindahkan perniagaan mereka ke Malaysia, di mana galakan cukai diperluaskan kepada sektor perkhidmatan terpilih seperti *hub principal* dan *maintenance, repair and overhaul* atau MRO; dan
- (iv) MITI sedang merangka misi perdagangan dan pelaburan tahun 2021 bermula dengan negara Singapura, Jepun, China dan Korea Selatan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, negara sedang berhadapan dengan cabaran luar jangka akibat penularan pandemik COVID-19 yang telah merencatkan aktiviti ekonomi dunia. Justeru, tanggungjawab yang digalas oleh MITI dan agensi-agensi dalam mempromosikan perdagangan dan meningkatkan pelaburan menjadi semakin

rumit dan mencabar. Namun, MITI akan terus bertekad untuk menerajui usaha-usaha memulihkan, memperkukuh dan mencerdaskan ekonomi serta meningkatkan daya saing syarikat-syarikat tempatan.

Belanjawan 2021 dapat dilihat sebagai kesinambungan usaha dan inisiatif pembaharuan Kerajaan Perikatan Nasional yang jelas berada di landasan yang betul dalam meningkatkan produktiviti dan tadbir urus negara. *Teguh kita, menang bersama. Bersatu kita demi Malaysia.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, esok 24 November 2020. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.06 petang]***